

Tangkap ternakan liar mulai Mei

5

Taman litar sepadu raih RM2.6 bilion

7

PTRS bantu persediaan hadapi SPM

8

Sedia lima pustaka mesra transit

6

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 13 - 19 FEBRUARI 2025

www.selangorkini.my

Tawar hadiah masuk universiti RM1,000

RM3 juta disediakan kepada anak Selangor dari keluarga berpendapatan bawah RM5,000 sebulan untuk lanjut pengajian ke institusi terpilih. Tahun lalu, 3,000 mahasiswa nikmati manfaat tersebut

MUKA 2

Usahawan raih RM147,000 dalam sejam

Seramai 200 peserta Program Latihan Pembangunan Usahawan Plats (U-PLATS) catat jualan berganda dari biasa apabila mereka didedah kepada kemahiran kaedah pendigitalan di media sosial

MUKA 8



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (depan, kanan) dan Setiausaha Pertahanan Industri Pertahanan Turkiye Prof Dr Haluk Gorgun (depan, kiri) bertukar memorandum persefahaman sambil disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Recep Tayyip Erdogan di Putrajaya pada 11 Februari 2025. Foto RADIN WAZIR ▶ BERITA MUKA 2 & 17

pancawarna

Bajet negeri terus fokus kesejahteraan rakyat

Dialisis percuma, pesta kopi dan khairat kematian antara inisiatif menarik



9-10

Kisah benar gadis Palestin dizalimi Israel

Penterjemah dedah penulis bijak adun peristiwa sadis, percik emosi pembaca



14-16

Bekas DJ popular kecewa radio makin hambar

Halim mahu penyampai lebih kreatif dan penuh maklumat



11

Selangor-Turkiye jalin kerjasama

SHAH ALAM - Selangor Aviation and Technology Innovations Sdn Bhd (SELATI) menjalin kerjasama strategik dengan Turkiye dalam usaha mempercepatkan transformasi digital negeri.

Jalanan dimeterai melalui pertukaran memorandum persefahaman (MoU) Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan Setiausaha Pertahanan Industri Pertahanan Turkiye Prof Dr Haluk Gorgun itu menumpukan bidang bandar pintar, sistem lalu lintas dan aspek keselamatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan menyaksikan pemeteraian berkenaan bersama pertukaran 10 MoU lain dalam pelbagai sektor strategik sempena lawatan rasmi dua hari Erdogan ke Malaysia pada 10 dan 11 Februari.

Kerjasama itu dijangka memperkukuh hubungan ekonomi, teknologi, dan keselamatan antara Malaysia dan Turkiye, sekali gus memberi manfaat kepada pembangunan Selangor sebagai negeri maju dan pintar.

Lahir qari, qariah berwibawa

SHAH ALAM - Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) memartabatkan kitab suci itu sekali gus berupaya melahirkan ramai qari dan qariah berwibawa.

Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad memberitahu penganjuran majlis pada tahun ini yang diadakan selama empat hari sejak 4 Februari disertai 52 peserta dari seluruh Selangor.

"Peserta dalam kalangan mereka yang terpilih pada peringkat daerah, kemudian bakat mereka terus diasah dan disaring di Akademi Literasi Al-Quran Selangor (ALAS) bagi meningkatkan kemahiran.

"Majlis ini diharap mencungkil bakat qari dan qariah serta hafiz dan hafizah terbaik untuk diketengah ke peringkat kebangsaan seterusnya antarabangsa," katanya pada 7 Februari.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas

Pengaruh sesat pecah belah umat

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menzahirkan dukacita ekoran semakin ramai umat Islam terperangkap dengan maklumat salah walaupun banyak buku agama dikarang dan dicetak dalam bahasa Melayu.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah keadaan itu menyebabkan umat Islam mudah terpengaruh dengan ajaran sesat dan menyeleweng yang dibawa pihak tidak bertanggungjawab.

"Di manakah silapnya kita sehingga kes yang melibatkan pengikut ajaran

sesat semakin menjadi-jadi di negara ketika ini. Umat Islam akan ketinggalan dalam segala aspek kehidupan jika asyik terperdaya dengan ajaran agama yang berasaskan kepada unsur-unsur kurafat dan tahyul.

"Pengaruh yang menyesatkan ini mengakibatkan umat Islam semakin berpecah belah dan mudah ditindas oleh musuh-musuh Islam," titah Baginda ketika merasmikan Majlis Penuutupan Tilawah dan Hafazan al-Quran peringkat negeri pada 7 Februari.

Mengingatkan umat perlu merujuk pihak berkuasa dalam urusan agama, Sultan Sharafuddin bertitah dunia moden serta kemudahan tanpa sempadan memudahkan umat Islam mendapat maklumat sahih berkaitan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

Baginda menitahkan pihak berkuasa lebih peka dalam menangani ajaran sesat termasuk mengenakan tindakan undang-undang lebih berkesan agar tidak terus menjadi duri dalam daging hingga membawa perpecahan.

Permohonan mulai Mac

RM1,000 bantuan ke universiti

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Permohonan Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT) Selangor sebanyak RM1,000 untuk pelajar dari kalangan keluarga berpendapatan RM5,000 ke bawah dibuka mulai Mac.

Bantuan melalui peruntukan RM3 juta itu bertujuan membantu individu yang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Menurut Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, tawaran itu untuk anak Selangor ke IPTA dan IPTS terpilih dalam sijil kemahiran tahap empat, diploma dan ijazah sarjana muda.

"Tahun lepas, kira-kira 3,000 anak negeri diberi insentif yang sangat membantu mereka bersedia dengan lebih baik menempuhi alam universiti," katanya di Facebook pada 7 Februari.

Antara syarat lain permohonan sekali bayar itu adalah pemohon merupakan pelajar tahun pertama dan telah mendaftar di IPT bagi memulakan

sesi pengajian.

Selain itu, pemohon juga mestilah mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dan permohonan yang tidak lengkap dikategorikan sebagai permohonan gagal.

Maklumat lanjut layari laman sesawang danapendidikan.selangor.gov.my/syarat-syarat-hpipt

Dalam Belanjawan 2025, Amirudin mengumumkan peruntukan RM3 juta untuk HPIPT Selangor tahun ini sebagai galakan kepada mahasiswa untuk membantu mencapai kecemerlangan dalam akademik.

Hormat asas hidup harmoni

GOMBAK - Semua perayaan termasuk Thaipusam disambut tanpa gangguan di Selangor bagi memudahkan penganut menunaikan tanggungjawab dan kepercayaan agama masing-masing.

Dato' Menteri Besar berkata setiap tahun pihaknya menyediakan peruntukan untuk penganjuran majlis perayaan, menyokong pengurusan dan pembangunan rumah ibadat bukan Islam seperti kuil, tokong serta gereja.

"(Sambutan perayaan) Ia tidak

menggugurkan iman, tidak halang untuk kita percaya kepada agama masing-masing tetapi apa dilakukan supaya kita dapat hidup aman dan berkumpul dengan harmoni.

"Saban tahun Kerajaan Negeri bukannya sediakan peruntukan cukup untuk kedudukan agama Islam tetapi berikan sokongan, tumpuan kepada rumah ibadat seperti kuil, tokong, gereja diberikan tempat sesuai dan jaminan supaya tiada gangguan.

"Kalau ada keperluan mengalih ru-

mah ibadat, ia dilakukan penuh tertib dengan perbincangan dan pastikan semua pihak dapat beribadah dan mengamalkan kepercayaan mereka," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 10 Februari.

Berucap pada majlis sambutan Thaipusam di Kuil Sri Subramaniam Swamy, Batu Caves, Amirudin berkata perbezaan agama perlu dirai kerana ia mengekalkan suasana aman, harmoni dan menghormati antara satu sama lain sekali gus membangunkan negara.

Bawa cadangan tingkat pelancongan

SHAH ALAM - Cadangan bagi merencanakan lagi sektor pelancongan dan usaha mempertingkatkan prasarana akan dibawa wakil rakyat Seri Kembangan ke sidang Dewan Negeri Selangor (DNS).

Wong Siew Ki memberitahu tumpuan tersebut antaranya penglibatan pemain ekonomi sampingan dalam kempen Tahun Melawat Selangor (TMS) 2025.

"Peruntukan RM8 juta untuk pro-

mosi TMS2025 sudah disediakan tetapi kita juga mahu pelancong membeli produk pelancongan Selangor melalui peranan ekonomi sampingan.

"Selain itu, soalan saya di dewan nanti tertumpu sejauh mana inisiatif pentadbiran negeri dapat menggalakkan usahawan menyertai ekonomi sampingan,"katanya pada 12 Februari.

Beliau juga memberitahu cadangan untuk membina dewan serba guna dan balai raya di Jalan Besar bagi me-

enuhi keperluan penduduk setempat turut dibawa ke sidang berkenaan.

Sebelum ini, Speaker Lau Weng San memaklumkan prasarana dan banjir antara isu tumpuan sidang DNS yang bakal dirasmikan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Katanya, jangkaan itu berikutan kedua-dua isu berkenaan melibatkan kepentingan rakyat yang perlu ditangani segera.





CEMERLANG... Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menganugerahkan peserta terbaik keseluruhan tilawah kepada Khairul Zaki Razali sempena majlis penutupan Tilawah dan Hafazan al-Quran peringkat negeri di Shah Alam pada 7 Februari. Foto REMY ARIFIN ► BERITA MUKA 4

Taman kucing tarik 1,500 pengunjung

SHAH ALAM - Lebih 1,500 mengunjungi Taman Kucing Shah Alam di Dataran Kemerdekaan, Seksyen 14 di sini sejak dibuka Julai tahun lalu, kata Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim.

Beliau menyifatkan Catopia Shah Alam itu sebagai wadah mendidik dan memberi pendedahan kepada masyarakat terhadap kesejahteraan haiwan selain menyemarakkan lagi kempen pelancangan negeri.

Katanya, taman berkonsep kawasan permainan luar kucing peliharaan dilengkapi 12 elemen termasuk tempat perlindungan dan makanan kucing, jambatan gantung, terowong, kolam pancuran air dan 10 alat permainan, lapor Bernama.

Menurut Mohd Fauzi, taman itu juga merangkul anugerah Special Mention kategori Placemaking and Public Space Award dan Anugerah Emas bagi kategori Best Planning Content in Media Award baru-baru ini.

Terdahulu, Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan menyempurnakan perasmian Taman Kucing Shah Alam pada 9 Februari.

244 lokasi di 12 PBT

Sedia 15,800 petak bazar

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Sebanyak 15,882 petak bazar Ramadan dibuka meliputi 244 lokasi membabitkan 12 pihak berkuasa tempatan tahun ini, kata EXCO Keusahawanan Najwan Halimi.

Beliau memberitahu langkah berkenaan antara usaha bagi membantu usahawan dan penaja kecil mendapat lebih keuntungan pada bulan Ramadan berbanding hari biasa.

"Saya nasihatkan peniaga mengikut peraturan PBT, jaga kebersihan dan keselamatan manakala untuk peniaga 'rambo' (tiada permit tetapi berniaga tiba-tiba) lupakan hasrat itu.

"Tiada berkompromi kepada peniaga seperti itu termasuk mereka yang jual permit kepada pihak ketiga, pemantauan setiap hari, tindakan tegas dikenakan jika langgar peraturan," katanya.

Beliau merasmikan Majlis Penyerahan Kit dan Permit Bazar Ramadan 2025 di Pusat Konvensyen MBSA, Seksyen 13 di sini pada 12 Februari.

Sebanyak 2,796 petak bazar dibuka Majlis Perbandaran Kajang diikuti

Majlis Perbandaran Selayang (2,121), Majlis Bandaraya Shah Alam (2,058) Majlis Bandaraya Diraja Klang (1,369) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (1,367).

Selain itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (1,260), Majlis Perbandaran Kuala Selangor (936), Majlis Perbandaran Sepang (894), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (884), Majlis Perbandaran Kuala Langat (861), Majlis Perbandaran Hulu Selangor (726) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (610).

Pemangku Timbalan Setiausaha Pengurusan MBSA Norhisham Mohammad berkata MBSA mengeluarkan 2,058 permit membabitkan 37 lokasi di kawasan pentadbirannya pada tahun ini.

"Sebanyak 1,302 permit bazar melibatkan 26 lokasi diurus secara langsung oleh MBSA manakala 756 permit bazar Ramadan babit 11 lokasi diurus pihak swasta," katanya.

Bayaran di kawasan MBSA adalah RM250 bagi makanan dan minuman, makanan bergoreng (RM280), air kelapa dan tebu (RM280), jualan berbakar (RM280) serta ayam dan kambing golek (RM340).



UNIT/LOT BUMIPUTERA

POTONGAN HARGA BUMIPUTERA

RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT / RUMAH SESEBUAH 2 & 3 TINGKAT
45' x 80' / 55' x 80' / 60' x 100' / 80' x 100'

1700 81 8868
tropicanaaman.com.my

TROPICANA AMAN PROPERTY GALLERY
No. 21, Persiaran Tropicana Aman, Bandar Tropicana Aman,
42500 Telok Panglima Garang, Selangor.

Pemilik: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (013655-A) • Alamat Pejabat: Unit 1001, Level 10, Tropicana Gardens Office Tower No. 2A, Deraslang Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • No. Lesen Pemaju: 14010/05-2025/1570/00 • Tempoh Sah: 15/02/2024 - 14/02/2027 • No. Permit Bilik: 14012-21/10-2025/02425N-03 • Tempoh Sah: 16/10/2022 - 17/10/2025 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Kuala Langat • No. Bilangan Petan Bangunan: MPPK/KB/2/14/16/2022 • Dilangka Since: Oktober 2025 • Pegangan Tanah: Paikatan 99 tahun (Tarikh Luput: 06/11/2123) • Bilangan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Banglo 3 Tingkat, Rumah Banglo 2 Tingkat, Rumah Bersemar 2 Tingkat • Jumlah Jumlah Unit: 150 unit (Jenis A: 51 Unit, Jenis B: 21 Unit, Jenis C: 44 Unit, Jenis D: 90 Unit) • Harga Jualan: Rumah Banglo 3 Tingkat: Jenis A: RM 5,228,800 (Min) - RM 7,858,800 (Maks.); Rumah Banglo 2 Tingkat: Jenis B: RM 4,238,800 (Min) - RM 5,710,800 (Maks.); Rumah Bersemar 2 Tingkat: Jenis C: RM 2,798,800 (Min) - RM 4,084,800 (Maks.); Rumah Bersemar 2 Tingkat: Jenis D: RM 2,788,800 (Min) - RM 3,189,800 (Maks.); • Keluasan Bangunan: Rumah Banglo 3 Tingkat: Jenis A: 3,0752 kps (Min. & Maks.); Rumah Banglo 2 Tingkat: Jenis B: 3,745 kps (Min. & Maks.); Rumah Bersemar 2 Tingkat: Jenis C: 5,450 kps (Min. & Maks.); Rumah Bersemar 2 Tingkat: Jenis D: 4,004 kps (Min. & Maks.); • 7% Diskaun Bumiputera • Sekatan-sekatan Keperluan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau dipadamkan setelah mendapat habernara Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan pindah milik dikenakan selama 5 tahun daripada tarikh pindah milik, cicafatkan daripada pemuja kepada penerima pindah milik. Dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pindah milik setiap permohonan bebenaran pindah milik berikutnya hendaklah disertakan dengan surat persetujuan daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan bagi pindah milik daripada pemuja kepada penerima pindah milik yang tidak bertukar kepada permohonan bebenaran pindah milik berikutnya hendaklah disertakan dengan surat pengesahan daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Cari harta karun di muzium negeri

SHAH ALAM - Permainan mencari harta karun berupa artifak antara tarikan utama program Fun@MSAS sempena pembukaan semula Muzium Sultan Alam Shah (MSAS) di sini, kata EXCO kebudayaan.

Dianjurkan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor (PADAT), program itu menurut Datuk Borhan Aman Shah, berlangsung sehingga 16 Februari sebagai antara kegiatan cuti sekolah.

"Pengunjung perlu mendapatkan pasport pada harga RM3. Mereka perlu mencari artifak dan setiap pencarian yang ditemui perlu dicop hingga penuh untuk terima hadiah," katanya pada 8 Februari.

Katanya, acara lain seperti pertandingan memasak, mewarna, permainan muzik cempuling dan demo masakan tradisional lempeng, wadai kepeng, biskut serta kopi laut diadakan secara percuma.

Borhan memberitahu muzium berkeajaan yang baharu dibuka semula selepas proses naik taraf sejak tahun 2019 menawarkan kemasukan percuma kepada orang ramai sehingga Mei.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dijadual berangkat untuk menyempurnakan perasmian pembukaan sempena Hari Muzium Antarabangsa pada Mei.

Sertai mesyuarat MMKN pertama

SHAH ALAM - Setiausaha Kerajaan Selangor dan pegawai kewangan negeri yang baharu dilantik mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)

Dato' Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajudin dan Datuk Dr Haniff Zainal Abidin turut menandatangani aku janji dan surat sumpah rahsia di bangunan pentadbiran negeri di sini pada 6 Februari.

Mereka kemudian mengambil tempat masing-masing bagi memulakan mesyuarat MMKN yang dipengerusikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama barisan EXCO.

Ahmad Fadzli, 53, memulakan tugas sebagai anggota pegawai tadbir diplomatik pada 1996 menyandang jawatan sebagai pegawai kewangan negeri sejak 2021.

Sementara Haniff selaku timbalan pengarah kanan (Pembangunan Kompetensi) di Intan sebelum dilantik sebagai pegawai kewangan negeri menggantikan Ahmad Fadzli.

Pamer sejarah pembentukan Selangor

SHAH ALAM - Pembukaan semula Muzium Sultan Alam Shah antara tarikan pelancong sempena kempen Tahun Melawat Selangor 2025, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu pembukaan muzium negeri itu memberi ruang kepada pengunjung mengenali sejarah, latar belakang dan pembentukan Selangor.

"Muzium beri gambaran bagaimana negeri dibentuk suatu ketika dahulu. Ia

bukan (dibentuk) dari kehadiran kerajaan ataupun selepas penjajah tetapi sejak sejarah zaman neolitik dan tembaga.

"Ia juga memberi ilmu dan maklumat kepada pengunjung seiring musim cuti sekolah ketika ini," katanya selepas melawat pembukaan muzium itu pada 8 Februari.

Beliau turut mengajak orang ramai khususnya warga negeri ini bersama

merasai pengalaman menarik di muzium kendalian Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT).

Lebih RM5 juta dibelanjakan bagi menajayakan kerja menaik taraf muzium yang ditutup sejak 2019.

Pelbagai tarikan baharu disediakan antaranya 1,000 pameran artifak, pameran alam kubur tiga dimensi, sejarah warisan warung makanan dan perkahwinan kaum di Selangor.

Wakili negeri ke peringkat kebangsaan

Baca al-Quran setiap hari

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Minat mendalam sejak kecil dan melazimi bacaan al-Quran hampir setiap hari antara amalan johan qari dan peserta terbaik keseluruhan Tilawah dan Hafazan al-Quran peringkat negeri.

Mula membaca kitab suci itu sejak berusia 11 tahun, Khairul Zaki Razali, 44, yang menganggap kemenangan tersebut hadiah terbesar tahun ini berkata kejayaan berkenaan tidak diduganya.

"Syukur apabila nama diumumkan sebagai johan tilawah dan peserta terbaik, saya tidak menduga dengan kemenangan ini, malah terpilih mewakili Selan-

gor ke peringkat kebangsaan.

Beliau yang juga imam Masjid Bandar Utama Batang Kali, Hulu Selangor menjelaskan Akademi Literasi Al-Quran Selangor (ALAS) banyak membantunya mengasah dan perbaiki mutu bacaan.


"Saya meluangkan sekurang-kurangnya setengah jam sehari untuk bertarannum," katanya ketika ditemui pada 8 Februari.

Pertama kali menyertai tilawah itu, Humairourrohman Mas-tor, 22, yang muncul sebagai juara qariah juga mengakui terkejut apabila namanya diumumkan peserta terbaik keseluruhan hafazan.

Penuntut ijazah sarjana muda jurusan al-Quran dan As-Sunnah Universiti Islam Selangor itu memberitahu beliau sentiasa mengamal membaca dan menghafaz al-Quran selepas solat Subuh.

"Terima kasih kepada ibu bapa yang banyak beri sokongan dan semangat untuk saya masuk pertandingan," kata anak ketiga daripada tujuh beradik itu.

Khairul Zaki mem-bawa pulang wang tunai RM20,000 manakala Humairourrohman RM15,000. Mereka mewakili Selangor ke tilawah peringkat kebangsaan pada 24 April hingga 3 Mei di Perlis.



Pelancong luar negara bertambah

HULU SELANGOR - Kehadiran pelancong luar negara ke negeri ini bertambah lima peratus selepas pelancaran Tahun Melawat Selangor (TMS) 2025, kata EXCO Pelancongan Dato' Ng Suee Lim.

Beliau memberitahu purata kehadiran pelancong antarabangsa sekitar 30 peratus pada 2023 tetapi angka berkenaan menunjukkan kenaikan kepada 35 peratus pada Disember tahun lalu.

"Kita jangka pelancong tempatan 70 peratus dan luar negara 30 peratus.

Jika berterusan, kita yakin pelancong antarabangsa sains-gi kehadiran pelancong tempatan," katanya pada 9 Februari.

Beliau ditemui ketika merasmikan Pesta Joran 2025 di Tasik Fraser Valley di sini pada 9 Februari. Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Selangor Chua Yee Ling.

Suee Lim menjelaskan pesta berke-

naan menerima sambutan menggalakkan berikutan 710 pemancing menyertai acara itu berbanding sasaran 500 peserta.

Beliau menjelaskan program tersebut yang menawarkan hadiah keseluruhan RM20,000 dengan kerjasama swasta membuktikan kegiatan memancing berpotensi menjadi tarikan pelancong.

"Kita terkejut dengan sambutan yang baik daripada pemancing. Ini membuktikan memancing mendapat perhatian dan berpotensi untuk tarik pelancong luar," katanya.

WAKTU SOLAT	13-19 FEBRUARI 2025 14-20 SYABAN 1446H	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
13 Khamis		6:09	6:19	7:25	1:30	4:50	7:29	8:40	6:09	6:19	7:26	1:31	4:50	7:30	8:41	6:11	6:21	7:27	1:33	4:52	7:31	8:42
14 Jumaat		6:09	6:19	7:25	1:30	4:49	7:29	8:40	6:09	6:19	7:26	1:31	4:50	7:30	8:41	6:11	6:21	7:27	1:32	4:52	7:31	8:42
15 Sabtu		6:09	6:19	7:25	1:30	4:49	7:29	8:40	6:09	6:19	7:26	1:31	4:49	7:30	8:41	6:11	6:21	7:27	1:32	4:51	7:31	8:42
16 Ahad		6:08	6:18	7:25	1:30	4:49	7:29	8:39	6:08	6:18	7:26	1:31	4:49	7:30	8:41	6:11	6:21	7:27	1:32	4:51	7:31	8:42
17 Isnin		6:08	6:18	7:25	1:30	4:48	7:29	8:39	6:08	6:18	7:26	1:31	4:49	7:30	8:41	6:11	6:21	7:27	1:32	4:51	7:31	8:42
18 Selasa		6:08	6:18	7:25	1:30	4:48	7:29	8:39	6:08	6:18	7:26	1:30	4:48	7:30	8:40	6:11	6:21	7:27	1:32	4:50	7:31	8:42
19 Rabu		6:08	6:18	7:25	1:30	4:48	7:29	8:39	6:08	6:18	7:26	1:30	4:48	7:30	8:40	6:11	6:21	7:26	1:32	4:50	7:31	8:42

Punca nahas, rosak harta benda

Tangkap ternakan liar mulai Mei

Oleh SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan mengadakan operasi besar-besaran menangkap haiwan ternakan termasuk lembu yang berkeliaran mulai Mei.

Menurut EXCO pertanian, tindakan tegas itu berikutan haiwan yang berkeliaran mengancam keselamatan orang ramai dan menyebabkan nahas jalan raya selain kerosakan harta benda.

Dato' Ir Izham Hashim menjelaskan banciaan pada tahun lalu mendapati kira-kira 4,000 daripada 39,941 ternakan milik 150 pengusaha berkeliaran hampir di seluruh daerah.

"Statistik tahun lepas daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor juga merekod 251 kes kemalangan meli-

batkan lembu termasuk dua mangsa maut dan enam lagi parah.

"Susulan itu, kita tidak berkompromi dan mula melaksanakan operasi berskala besar secara bersepadu pada Mei," katanya dalam sidang media pada 6 Februari.



Beliau menjelaskan Kerajaan Negeri dalam proses meminda Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 termasuk kaedah pelesenan lembu dan kerbau serta penggunaan tanda pengenalan haiwan ternakan.

"Proses pindaan itu mungkin mengambil masa lama tetapi kita tetap akan mengambil tindakan tegas," katanya.

Beliau memberitahu tindakan jangka pendek bagi menyelesaikan isu itu antaranya pemerkasaan ope-

rasi penguatkuasaan terhadap pemilik haiwan sepanjang tempoh tersebut.

Katanya, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) membenarkan pihak berkuasa tempatan bertindak atas kesalahan kacau ganggu manakala pejabat daerah dan tanah berkaitan hal ehwal tanah.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor juga boleh ambil tindakan bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) berkaitan pemilikan haiwan. Bagi Seksyen 289 Kanun Keseksamaan, tindakan boleh dibuat atas kecuaiannya menjaga haiwan," katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan situasi menang-menang dalam menyelesaikan isu penternak lembu di Ladang SD Guthrie, Sabak Bernam dengan mencadangkan tiga tapak tanah baharu berikutan masalah ternakan berkeliaran.

Sita ladang khinzir dijangkiti wabak

SHAH ALAM - Tiga ladang khinzir di negeri ini disita berikutan haiwan berkenaan dijangkiti wabak demam khinzir Afrika (ASF), maklum EXCO Pertanian Dato' Ir Izham Hashim.

Katanya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri bertindak ekoran dua kes di Sungai Blankan, Sepang dan satu di Kampung Tumbuk, Kuala Langat hasil aduan penyakit itu pada 22 Januari.

"Jabatan itu juga menjalankan pemeriksaan terhadap 29 ladang khinzir membolehkan anggaran 25,000 haiwan berkenaan sekitar Sepang dan Kuala Langat bagi mengesahkan penyakit tersebut.

"Pada 28 Januari dan 4 Februari, keputusan analisis sampel diterima dan mendapati tiga ladang khinzir yang diperiksa disahkan dijangkiti ASF.

"Didapati lebih 2,000 haiwan dijangkiti. Daripada jumlah itu, sebanyak 920 khinzir dilupus manakala bakinya dalam proses tindakan sama," katanya pada 6 Februari.

Walaupun penyakit itu tidak menjangkiti manusia, beliau mengingatkan penternak untuk terus berwaspada bagi mengekang penularan wabak berkenaan dan segera melaporkan kematian ternakan kepada pejabat perkhidmatan veterinar.

CO-HOME

RUMAH BANDAR DENGAN PELAN TERES SETINGKAT

EDEN
BY THE PARQUE RESIDENCES

HARGA BUMIPUTERA

BERMULA DARI
RM 643,560*

(Selepas 7% Diskaun Bumiputera)

KONDOMINIUM

HIDUP DENGAN GAYA RESORT

HARGA BUMIPUTERA

BERMULA DARI
RM 546,840*

(Selepas 7% Diskaun Bumiputera)



ECOWORLD
CREATING TOMORROW & BEYOND

ecoworld.my / +603 8688 2255

Eco Sanctuary Sdn Bhd (201401000413 (1076483-V))
EcoWorld Gallery @ Eco Sanctuary
Lot 41296, Persiaran Eco Sanctuary, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor.

Skim Pemajuan: The Parque Residences | Eden by The Parque Residences | Pemaju: ECO SANCTUARY SDN. BHD. (201401000413 (1076483-V)) | Pejabat: Lot 41296, Persiaran Eco Sanctuary, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor DE | No. Lesen Pemaju: 14050/10-2027/1055(A) | Tempoh Sah: 08/10/2022 - 07/10/2027 | No. Permit Iklan & Jualan: 14050-06-2025/0047 (A2-5) | Tempoh Sah: 09/06/2022 - 08/06/2025 | Hakmilik Tanah: Pajakan selama 99 tahun (Tempoh Tamat: 09/11/2110) | Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) | No. Rujukan: MPKL/2/4/42/2021 (13) | Tarikh Dijangka Siap: Julai 2025 | Fasa 3B-1 Kondominium (1,056kp - 2,105kp) - Jenis A, B, C, D, E, F, G & H | Jumlah Unit: 107 | Keluasan binaan Minima: 1,056kp, Maksima: 2,105kp | Harga Minima: RM 753,250, Harga Maksima: RM 1,576,650 | Fasa 3B-2 Kondominium (1,065kp - 1,200kp) - Jenis J & K | Jumlah Unit: 294 (Jenis J - 104 unit, Jenis K - 190 unit) | Keluasan binaan Minima: 1,065kp, Maksima: 1,200kp | Harga Minima: RM 653,500, Harga Maksima: RM 756,700 | Jenis Hartanah: Kondominium | Selatanselatan keperluan: Tanah ini boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri | *7% Diskaun Bumiputera | *TILAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA* | *Tertakluk kepada terma dan syarat.

Bantu dapat sijil pengenalan

SHAH ALAM - Sembilan individu di Parlimen Selangor menerima sijil kewarganegaraan masing-masing dalam satu majlis sambutan Tahun Baharu Cina pada 9 Februari.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sijil kewarganegaraan itu dipohon melalui Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen.

"Diharapkan sambutan Tahun Baharu Cina ini memberikan lebih makna kepada sembilan individu tersebut dan semua warga Tionghoa Sungai Tua dan Selangor.

"Semoga tahun ular kayu ini membawa limpahan rezeki dan keharmonian kepada kita semua di Selangor," maklumnya menerusi Facebook pada 10 Februari.

Biasiswa Agong hingga akhir bulan

SHAH ALAM - Permohonan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong 2025 dibuka kepada mahasiswa peringkat sarjana dan doktor falsafah sepenuh masa mulai 3 Februari hingga akhir bulan ini.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Awam, penuntut institusi pengajian tinggi tempatan atau universiti terkemuka dunia dalam bidang strategik disaran memohon menerusi bmipenajaan.jpa.gov.my, lapor Bernama.

Bidang berkenaan antaranya sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik, ekonomi, undang-undang, kewangan Islam dan kecerdasan buatan.

"Keutamaan diberi kepada individu yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik dan bukan akademik serta mempunyai daya kepimpinan tinggi," kata kenyataan pada 5 Februari.

Hospital Selgate siap tahun ini

SHAH ALAM - Hospital Selgate Rawang milik Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bakal beroperasi pertengahan tahun ini.

Wakil rakyat Rawang Chua Wei Kiat berkata pusat perubatan yang menyediakan lebih 300 katil itu akan memanfaatkan penduduk sekitar sekali gus membantu mengurangkan kesesakan hospital kerajaan.

"Kos pembinaan fasa 1 dan fasa 2 membolehkan perbelanjaan sejumlah RM231.5 juta dengan jumlah keseluruhan sebanyak 325 katil.

"Kita percaya apabila hospital ini sudah beroperasi nanti ia sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan jumlah pesakit yang bersesak di hospital kerajaan," katanya pada 12 Februari.

Sebelum ini, EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin menjelaskan pembangunan tersebut yang sepatutnya siap pada 2019 tertangguh disebabkan kekurangan tenaga kerja dan pandemik Covid-19.

Sedia lima pustaka mesra transit

PETALING JAYA - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) menyediakan lima lagi pustaka berkonsep mesra transit pada tahun ini, kata Pengarahnya Datin Paduka Mastura Muhamad.

Katanya, lokasi cadangan antaranya di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Hicom (Shah Alam), PPR Taman Medan Jaya dan Desa Mentari (Petaling Jaya) Pang-

sapuri Enggang, Puchong (Subang Jaya) dan Bangi.

"Lima lokasi perpustakaan ini masih dalam perbincangan bersama pihak yang berkenaan. Jika tiada aral melintang, ia akan diwujudkan pada tahun ini," katanya pada 8 Februari.

Mastura turut menyarankan semua agensi kerajaan dan swasta menyalur sumbangan supaya le-

bih banyak perpustakaan sedemikian dapat diwujudkan.

"Kita mengalu-alukan agensi kerajaan, syarikat korporat dan swasta untuk menyalurkan bantuan. Setiap sumbangan mereka akan dapat pengecualian cukai," katanya.

Setakat ini, ada 14 perpustakaan mesra transit yang dilengkapi dengan tandas, surau, pantri, ruang multimedia, WiFi percuma, sudut bacaan kanak-kanak dan dewasa serta bilik penyusunan.



Perpustakaan PPAS penuhi keperluan masyarakat

Reka bentuk moden tarik pengunjung

Oleh **SHEEDA FATHIL**

PETALING JAYA - Reka bentuk perpustakaan di Selangor yang lebih moden dengan pelbagai ruang serba guna disediakan khusus bagi memenuhi keperluan masyarakat, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari yakin konsep sedemikian yang diketengahkan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) meliputi semua perpustakaan berupaya menarik lebih ramai pengunjung.

"Perpustakaan sering kali diang-

gap terasing daripada masyarakat dan hanya dihuni ulat buku tetapi di Selangor, kita bergerak dengan naratif berbeza.

"Kita mahu menjadikan perpustakaan lokasi setempat yang semua orang boleh duduk. Kita sediakan studio, surau, bilik seminar, pantri dan pelbagai kemudahan lain," katanya.

Merasmikan Perpustakaan Awam Selangor @ AYG Kota Damansara Blok D di PPR Kota Damansara di sini pada 8 Februari, Amirudin berharap pustaka itu menjadi contoh kepada agensi lain.

Pengarah PPAS Datin Paduka Mastura Muhamad pula berkata lebih 4,000 orang berkunjung ke Perpustakaan Awam Selangor @ AYG Kota Damansara sejak dibuka pada 1 November tahun lalu.

Beliau memberitahu kewujudan perpustakaan mesra transit berkeluasan lebih 3,000 kaki persegi itu hasil kerjasama dengan badan bukan kerajaan Adab Youth Garage (AYG).

"Kewujudan perpustakaan ini bagi menyahut saranan Dato' Menteri Besar yang mengingatkan agar tiada sesiapa yang tercicir di Selangor dari menerima manfaat," katanya.

Imunisasi influenza warga emas

SHAH ALAM - Program Imunisasi Influenza Kebangsaan bagi warga emas dijalankan mulai 18 Februari, kata Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Lukanisman Awang Sauni.

Beliau memberitahu proses janji temu bagi mendapatkan suntikan itu boleh dibuat menerusi aplikasi My-

Sejahtera mulai 14 Februari, lapor Bernama.

"Suntikan ini terbuka kepada warga emas berusia 60 tahun ke atas di lokasi klinik terpilih," katanya pada sidang media selepas merasmikan satu program di Kulim, Kedah pada 9 Februari.

Mengajak mana-mana sektor swas-

ta atau kerajaan negeri untuk bekerjasama dalam menjayakan program itu, beliau menganggar 170,000 individu menyertai program tersebut di seluruh negara.

Selain itu, Lukanisman menjelaskan sebanyak 455 projek naik taraf klinik daif giat dijalankan di seluruh negara termasuk 41 daripadanya di Kedah bagi menambah baik perkhidmatan kesihatan.



Enam sekolah terima bilik kabin

SHAH ALAM - Sebanyak enam sekolah di Shah Alam akan menerima bilik darjah kabin menggunakan sistem pembinaan berindustri (IBS) tahun ini bagi mengatasi isu kepadatan murid.

Timbalan Menteri Pendidikan Wong Kah Woh berkata sekolah terlibat adalah Sekolah Kebangsaan Seksyen 7, Seksyen 19, Setia Alam, Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 7, Seksyen 16 dan Alam Megah.

"Kabin yang dibina bukan seperti kabin biasa. Ia serupa dengan bilik darjah sedia ada dan kondusif. Projek pembinaan kelas ini menggunakan teknologi IBS.

"Pembinaan bilik darjah kabin IBS ini sudah berjaya di SK Cyberjaya pada 2024 yang berjaya kita selesaikan dan redakan isu sekolah padat," katanya di Dewan Rakyat pada 12 Februari.

Beliau menjawab soalan tamba-

han Ahli Parlimen Shah Alam Azli Yusof mengenai langkah Kementerian Pendidikan mengatasi isu kepadatan murid dalam mewujudkan suasana pembelajaran kondusif dan berkualiti di sekolah.

Selain itu, katanya, Kementerian Pendidikan melaksana pelbagai inisiatif bagi memastikan setiap murid menerima pendidikan yang menyeluruh dan inklusif, tanpa mengira latar belakang.

Sasar 10 syarikat bernilai lebih RM1 bilion

Taman litar sepadu raih RM2.6 bilion

Oleh **DANIAL DZULKIFLY**

PETALING JAYA - Syarikat yang beroperasi di taman reka bentuk litar bersepadu (IC) Selangor meraih pelaburan dan dana RM2.6 bilion.

Menurut ketua pegawai eksekutif Perbadanan Ekonomi Digital dan Teknologi Maklumat Selangor (Sidec), taman IC di Puchong mencapai kapasiti penuh dalam tujuh bulan sejak dilancar pada 7 Ogos tahun lalu.

"Hampir 400 jurutera bakal diambil bekerja di taman reka bentuk IC di Puchong. Kami ada sekitar 100 jurutera dan lebih 300 jurutera IC diterima tidak lama lagi," kata Yong Kai Ping.

Menjelaskan taman reka bentuk IC kedua akan dibuka hasil kerjasama Cy-

berview di Cyberjaya, beliau memberitahu Sidec turut dibantu enam syarikat peneraju dan tujuh rakan kongsi.

"Kami sedang membina sebuah hab bertaraf dunia untuk meletakkan Malaysia ke hadapan dalam inovasi semikonduktor," kata beliau lagi ketika sambutan Tahun Baharu Cina pada 6 Februari.



Katanya, industri semikonduktor Selangor masih pada peringkat awal dengan kebanyakan syarikat pada tahap pra A tetapi satu syarikat rakan kongsi dijangka disenarai awam pada akhir tahun.

"Kami jangka beberapa lagi syarikat IC disenarai awam dalam dua hingga tiga tahun lagi," kata beliau lagi.

Katanya, Selangor menyasar sekurang-kurangnya 10 syarikat reka bentuk IC yang menyumbang 20 peratus kepa-

da Strategi Semikonduktor Nasional iaitu setiap syarikat bernilai lebih RM1 bilion.

Menurutnya, Sidec memperluas usaha menyokong syarikat pemula dengan memberi tumpuan kepada kecerdasan buatan (AI), mobiliti pintar, penyelesaian berasaskan bio dan teknologi sifar bersih.

"Kita perlu memperkasa setiap syarikat pemula dengan AI, bukan sekadar chatbot, tetapi juga ejen AI yang mempunyai keupayaan sebenar. Matlamat kami agar semua syarikat pemula dalam program ini dilengkapi dengan teknologi AI," katanya.

Selain semikonduktor, beliau berkata Malaysia berpotensi menjadi hab pusat data global dengan unjuran negara ini bakal mempunyai kapasiti pusat data sebanyak 5GW menjelang 2030 bersamaan dua juta pelayan unit pemprosesan grafik (GPU).

Inisiatif selamatkan habitat hidupan liar

SHAH ALAM - Pelbagai inisiatif disediakan bagi menjaga habitat hidupan liar termasuk spesies keluarga monyet antaranya babun dan beruk (primat) menerusi dua jalinan sekunder.

EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin berkata usaha bawah Pelan Induk Rangkaian Ekologi Tulang Belakang Hutan 2022 itu bertujuan memelihara koridor hijau dan kemampanan alam.

Katanya, koridor itu ialah BSL1 yang menghubungkan Hutan Simpan Raja Muda, Hutan Simpan Bukit Tarek dan Hutan Simpan Gading manakala BSL2 (Hutan Simpan Sungai Lalang dengan Hutan Simpan Hulu Langat).

"Koridor ini memainkan peranan penting dalam memastikan primat dan hidupan liar lain bergerak bebas antara kawasan hutan, mengurangkan pemecahan habitat akibat pembangunan," katanya.

Sebelum ini, Selangor Journal melaporkan penebangan hutan bagi sektor pertanian, pembalakan dan pembangunan bandar telah mengurangkan habitat hidupan liar termasuk komuniti primat.

Selangor menyasar untuk mengekal sekurang-kurangnya 30 peratus tanahnya sebagai hutan simpan kekal.

UTOPIA EAST

KEDAI PEJABAT STRATA 2 TINGKAT

Selamat datang ke UTOPIA EAST - destinasi komersial terbaik untuk mengembangkan perniagaan anda! Kedai pejabat strata ini direka khas untuk memenuhi pelbagai keperluan perniagaan anda dengan menawarkan persekitaran yang versatil bagi merealisasikan visi keusahawanan anda.

Harga Bumiputera Bermula Daripada

RM2,233,800*

(Selepas 10% Diskaun Bumiputera)

Unit Terhad | Lot Tepi 2,072 k.p.s



LOKASI STRATEGIK | PELUANG KEPELBAGAIAN PERNIAGAAN | PUSAT HAB KOMERSIAL

Gambaran artis sahaja



ECOWORLD
CREATING TOMORROW & BEYOND



DIJAYAKAN BERSAMA

ecoworld.my / +603 3270 2525

Paragon Pinnacle Sdn Bhd ((201401022036 (1098122-T))
EcoWorld Gallery @ Eco Grandeur
Lot 6232, Persiaran Mokhtar Dahari, Eco Grandeur, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor

Penafian: Maklumat yang terkandung dalam iklan ini tertakluk pada perubahan dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Semua lukisan realistik adalah gambaran pelukis sahaja. Semua ukuran adalah anggaran. Walaupun sewaktu penyediaan iklan semua perhatian sewajarnya telah diberikan, pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya terdapat ketidaktepatan. Semua item di atas adalah tertakluk pada ubah suai dan penggantian yang mungkin diperlukan oleh Pihak-pihak Berkusasa atau disyorkan oleh Arkitek atau Jurutera. *Tertakluk pada terma dan syarat.

Subsidi yuran anak autisme dibuka

SHAH ALAM - Permohonan subsidi yuran pembelajaran kanak-kanak autisme dibuka hingga akhir bulan ini, menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Subsidi tersebut diberi kepada 30,000 kanak-kanak terpilih yang mengikuti pendidikan di pusat pembelajaran autisme atau terapi bertauliah, lapor Bernama.

Ibu bapa warga tempatan, pendapatan perkapita isi rumah tidak melebihi RM2,000 dan kanak-kanak pemegang orang kurang upaya (OKU) JKM bawah 18 tahun layak memohon.

Berdasarkan poster jabatan itu, borang permohonan dan garis panduan boleh diperolehi menerusi laman sesawang rasmi jkm.gov.my atau pejabat JKM berhampiran.

Dalam Belanjawan Madani 2025, kerajaan mengumumkan bantuan yuran pembelajaran anak autisme melalui peruntukan RM15 juta kepada 30,000 kanak-kanak.

Kaunter pandu lalu bayar cukai

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) membuka kaunter pandu lalu untuk penduduk sekitar menjelaskan cukai taksiran.

MPAJ memaklumkan kaunter beroperasi setiap hari bekerja bermula jam 9 pagi hingga 4 petang (rehat 1 tengah hari) di aras 1, Menara MPAJ.

"Pemilik harta di MPAJ diingat melunaskan bayaran cukai taksiran bermula 1 Januari hingga 28 Februari 2025 (penggal pertama) dan 1 Julai 2024 hingga 31 Ogos 2025 (penggal kedua)," katanya menerusi kenyataan.

Bayaran cukai taksiran juga boleh dibuat secara tunai, cek, kad kredit atau perbankan dalam talian melalui beberapa kaedah antaranya di kaunter khidmat setempat dan mesin kiosk aras 4, Menara MPAJ, kaunter cawangan Taman Melawati serta aplikasi iCOMM MPAJ.

Mohon modal niaga hingga RM50,000

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) menawarkan bantuan modal khusus kepada golongan wanita di negeri ini yang ingin memulakan perniagaan kecil-kecilan.

Agensi itu memaklumkan, bantuan modal di bawah skim Niaga Darul Ehsan (NaDi) itu menyediakan pembiayaan sehingga RM50,000.

"Daripada perniagaan makanan, kraf-tangan hingga servis kecantikan, usahawan wanita berkumpul di Sabak Bernam dan Hulu Selangor boleh menikmati pembiayaan sehingga RM50,000 untuk mengembangkan perniagaan mereka.

"Layari hijrahselangor.com untuk maklumat lanjut atau imbas kod QR pada poster untuk permohonan dalam talian," maklumnya di Facebook.

Muzium imbau zaman kanak-kanak

SHAH ALAM - Pembukaan semula Muzium Sultan Alam Shah, Seksyen 14 di sini pada 8 Februari dengan pelbagai pameran menarik mengimbau semula zaman kanak-kanak sebahagian pengunjung.

Menurut saintis data Grace Mui, 54, yang pertama kali berkunjung ke situ, pameran tepak sirih dan perkakas dapur membangkitkan kenangan bersama neneknya di desa suatu ketika dahulu.

"Kedua-kedua pameran alatan ini paling saya gemari. Saya masih ingat semasa kecil dahulu nenek suka

makan sirih," katanya yang datang dari Sepang.

Kali terakhir ke muzium itu pada 2018, Rafidah Alias, 39, membawa tiga anaknya bagi mendedahkan mereka kepada sejarah, artifak dan kuih tradisional di Selangor.

"Banyak barang pameran dan acara menarik di muzium ini berbanding dahulu, hanya replika lama," katanya lagi.

Bagi Emilyya Hamdan, 34, pameran

di muzium kali ini jauh lebih menarik, moden dan teratur berbanding kira-kira 10 tahun lalu.

Sebelum ini, EXCO kebudayaan Datuk Borhan Aman Shah memberitahu Kerajaan Negeri memperuntuk lebih RM5 juta bagi menjayakan kerja naik taraf sejak 2019.

Hasilnya, pelbagai tarikan baharu disediakan antaranya 1,000 pameran artifak, pameran alam kubur 3D, sejarah warisan warung makanan dan perkahwinan kaum di Selangor.



Peserta U-PLATS kuasai pendigitalan

Raih RM147,000 dalam sejam

Oleh **DEWI ABDUL RAHMAN**

SHAH ALAM - Seramai 200 peserta Program Latihan Pembangunan Usahawan Plats (U-PLATS) meraih jualan dalam talian RM147,000 dalam tempoh sejam, kata EXCO Keusahawanan Najwan Halimi.

Beliau memberitahu kemampuan menguasai perniagaan secara digital dan teknik penciptaan kandungan menarik menjana pendapatan berganda berbanding kaedah konvensional.

"Kita latih dan beri pendedahan kepada usahawan mendapat kemahiran dalam bidang pendigitalan. Kita bantu promosi produk dan perniagaan menerusi TikTok, YouTube, Shopee dan

sebagainya.

"Penganjur buat modul dan peserta ditugaskan mempromosi, menjual produk melalui aplikasi media sosial dalam sejam. Mereka catat jualan berganda berbanding biasa," katanya pada 6 Februari.

Merasmikan Program Latihan Pembangunan Usahawan Plats (U-PLATS) itu, beliau berkata usahawan dilengkapi peranti sistem titik jualan (POS) yang mempermudah urusan jual beli dalam talian.

Najwan juga menjelaskan program tersebut turut menerima permintaan daripada usahawan luar Selangor untuk mengikuti latihan berkenaan wa-

laupun ia baru setahun diperkenal.

"Tetapi kita ada keterbatasan, jadi keutamaan kita kepada mereka yang berpusat dan bertempat di Selangor," kata beliau lagi.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Dato' Ts Saipolyazan M Yusop pula berkata pihaknya berazam untuk meningkatkan ilmu digital dalam kalangan usahawan.

"Tujuan kita buat PLATS untuk pendigitalan perniagaan dan kita lihat sekarang kebanyakan peniaga di Selangor mula menggunakan QR, pembayaran dalam talian dan sebagainya," katanya.



Persediaan awal hadapi SPM

SHAH ALAM - Orang ramai menyambut baik inisiatif memperluas Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) kepada pelajar tingkatan empat selain berharap bilangan mata pelajaran ditambah pada masa akan datang.

Jurupulih hospital Fahami Hidayat, 36, berkata inisiatif tersebut membantu pelajar membuat persiapan awal sebelum menghadapi Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM).

"Cadangan saya kumpulkan guru yang ajar subjek SPM atau gubal soalan dan masukkan guru itu dalam PTRS tersebut," katanya kepada Media Selangor.

Berkongsi pendapat sama, Lai Yu Wen, 23, berkata program tersebut

juga sedikit sebanyak membantu pelajar mengisi masa dengan perkara yang berfaedah.

"Baguslah sebab ia seperti persediaan awal untuk SPM, percuma pula tu. Lagipun daripada mereka membazir masa dengan perkara bukan-bukan, mereka boleh pergi ke program ini," kata penuntut institut pengajian tinggi itu.

Pelukis pelan Aida Niza Ahmad, 50 berkata inisiatif itu bukan sahaja membantu pelajar, malah ibu bapa berpendapatan rendah.

"Saya sokong apa yang dilakukan Kerajaan Selangor lagipun banyak ibu bapa yang kurang berkemampuan. Tambahan pula ramai pelajar suka belajar pada minit-minit terakhir, jadi bila

ada tuisyen percuma pasti ibu bapa akan daftarkan mereka," katanya.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar mengumumkan peluasan program PTRS tahun ini akan memanfaatkan kira-kira 130,000 pelajar tingkatan empat.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata program itu terbukti berkesan apabila seramai 3,552 peserta PTRS berjaya meraih keputusan cemerlang gred A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023.

PTRS adalah bantuan kelas tambahan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, matematik, sains, sejarah dan matematik tambahan.

Program tersebut menyasar pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah yang prestasi pelajaran sederhana atau lemah.





Landasan kemajuan

Sentiasa memfokuskan kesejahteraan rakyat, Belanjawan Selangor 2025 yang pada 15 November lalu memberi tumpuan kepada pengukuhan sektor ekonomi, sosial dan teknologi.

Diumumkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, perbelanjaan RM3 bilion bagi mengurus dan meneruskan pembangunan negeri sepanjang tahun ini. Sebanyak RM1.7 bilion diperuntukkan kepada perbelanjaan mengurus manakala RM1.3 bilion untuk pembangunan.

Penekanan kepada program kesihatan dan kebajikan warga emas diteruskan, sejajar hasrat menambah baik sistem perlindungan sosial yang merangkumi kebajikan, pendidikan serta pengukuhan ekonomi golongan sasaran sebagai teras kesejahteraan rakyat.

Wartawan **NADIAH ZAMLUS** menyenaraikan inisiatif menarik dalam belanjawan bertema 'Selangor Dinamik: Cita Sempurna Malaysia Madani'.

TANGANI MASALAH STRATA (RM10 JUTA)

Bimbang masalah pemilikan rumah memberi kesan kepada nilai aset dan hartanah, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM10 juta bagi dana awalan Tabung Penyelesaian Strata.

Dianggar RM100 juta diperlukan dalam tempoh 10 tahun untuk penyelesaian keseluruhan skim strata yang dikenal pasti di seluruh Selangor.

Jawatankuasa Bertindak Penyelesaian Bangunan Tanpa Hakmilik Strata Negeri Selangor dianggotai Pejabat Tanah Galian Selangor, Lembaga Perumahan Hartanah Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri, PlanMalaysia@Selangor, pejabat daerah dan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengenal pasti isu bangunan tanpa hakmilik strata di seluruh negeri.

AMBULANS PERCUMA EMPAT PBT

Prihatin masalah rakyat yang mahu mendapatkan khidmat penghantaran kecemasan, negeri mewujudkan perkhidmatan



Ambulans Kita Selangor.

Perkhidmatan itu percuma di empat pihak berkuasa tempatan (PBT) sebelum diperluas ke kawasan lain.

Inisiatif itu bermula tahun ini dengan kerjasama penyedia perkhidmatan sedia ada seperti Persatuan Bulan Sabit Merah dan St John Ambulance Malaysia. Rakyat dapat memanfaatkan perkhidmatan itu bagi tujuan kecemasan tanpa perlu risau kos.

Pelaksanaan itu salah satu ikhtiar dalam 5 Tekad 5 Tahun sewaktu menghadapi pilihan raya negeri pada 2023. RM1 juta diperuntukkan melalui Tabung Selangor Bangkit.

PUSAT INKUBATOR (RM5 JUTA)

Pusat ini menawarkan program pendidikan juga persijilan tertentu dalam teknologi berkenaan.

Pusat itu dikendalikan Pusat Pembangunan Kemahiran dan Teknikal Selangor (STDC) menerusi Selangor International Innovation Centre of Excellence.

Pembinaannya mencerminkan komitmen bagi menyicipkan negeri memasuki gerbang kecerdasan buatan (AI). Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan AI lain bagi meluaskan skop AI di Selangor.

SUKAN BOLA PIKEL DALAM SUKMA 2026

Selaras hasrat menarik lebih ramai

pelancong sempena Tahun Melawat Selangor 2025, Kerajaan Negeri akan menganjurkan Pesta Bola Pikel Selangor merangkumi Kejohanan Terbuka Antarabangsa Bola Pikel Selangor.

Ia juga babitkan pertandingan di sekolah serta daerah bagi meningkatkan minat orang muda serta melahirkan bakat-bakat baharu.

PBT akan menambah fasiliti gelanggang bola pikel di taman-taman awam dengan menukar gelanggang badminton di ruang terbuka supaya sukan badminton difokuskan di kawasan tertutup.

Selangor berhasrat menjadi negeri pertama menganjurkan sukan bola pikel dalam Sukan Malaysia selaku tuan rumah kepada Sukma 2026. Untuk itu, sebanyak RM1 juta diperuntukkan.

20,000 RAKYAT TERIMA KHAIRAT RM1,000

Mulai Jun, seramai 20,000 rakyat dijangka menerima khairat kematian RM1,000 melibatkan peruntukkan RM20 juta. Bantuan itu dikhaskan kepada individu berusia 50 tahun ke atas serta golongan kurang upaya (OKU).

Pada 23 November, EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari berkata Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi menyemak silang waris kepada penama skim Khairat Darul Ehsan.

Usaha itu bertujuan memastikan bantuan RM1,000 disalurkan kepada waris penama yang sah.





PESTA KOPI TAHUN INI (RM1 JUTA)

Buat julung kalinya, Kerajaan Negeri akan menganjurkan Festival Kopi Selangor tahun ini bagi mengorak langkah sebagai pemain dalam dunia kopi.

Pesta berkenaan memberi peluang lebih ramai barista bersaing dan meneroka industri kopi dengan peruntukan RM1 juta.

Ia akan menjadi tapak dan ruang untuk barista membangun serta meneroka industri kopi disamping menganjur Asean Barista Championships sebagai peluang untuk barista bersaing dengan pakar dunia kopi di Asia Tenggara.

BAIK PULIH SEKOLAH AGAMA (RM4.5 JUTA)

Demi keselamatan dan keselesaan pelajar, RM4.5 juta diperuntuk bagi membaik pulih sekolah agama. Peruntukan berkenaan bagi menggantikan kemudahan asas seperti paip air dan pendawaian elektrik lama yang rosak.

Dana pendidikan turut meningkat RM2 juta berbanding tahun lalu iaitu RM69.35 juta kepada RM79.95 juta.

DIALISIS PERCUMA TIGA BULAN

Program Itizam Selangor Sihat (ISS) membantu rakyat menerima bantuan rawatan asas secara percuma termasuk manfaat perlindungan - kematian dan penyakit kritikal.

Meskipun peruntukan program itu dikurangkan daripada RM35 juta kepada RM20 juta, beberapa manfaat baharu diperkenal antaranya rawatan dialisis.

Manfaat rawatan di hospital ISS meliputi rawatan dialisis percuma sehingga tiga bulan dengan had RM10,000. Ini membantu rakyat yang menghadapi penyakit kronik buah pinggang untuk menerima rawatan 'life-saving' dialisis.

BANTU MURID TERCICIR PELAJARAN (RM1 JUTA)

Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) yang berjaya meningkatkan pencapaian pelajar sekolah menengah diperluas ke sekolah rendah dengan peruntukan RM1 juta.

Program itu akan membantu murid sekolah rendah menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) menerusi Program Literasi & Numerasi.

Pelaksanaan itu rentetan kesan daripada renjatan sistem pembelajaran ketika era pandemik sehingga berlaku masalah keciciran.

BUKA PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS

Dua Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bakal dibuka di Kuala Langat dan Hulu Selangor tahun ini. Penubuhannya untuk warga emas yang sihat dan dapat menguruskan diri.

Perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan.



Selangor memperuntuk RM400,000 bagi menaik taraf kemudahan dan pembelian aset di PAWE Ampang, Paya Jaras, Setia Alam dan Seri Kembangan pada 2025.

KERTAS PUTIH AI, TINGKAT PERKHIDMATAN KERAJAAN

Merangkumi usaha meningkatkan kecekapan khidmat kerajaan dalam sidang Dewan Negeri tahun ini, kapasiti mengaudit teknologi itu selain menilai kaedah AI sebagai pelengkap komuniti pekerja juga berbincang dengan Nvidia, sebuah syarikat teknologi dan semikonduktor terkemuka dunia, menghasilkan AI berdaulat (sovereign AI). AI berdaulat bermaksud AI milik negeri atau negara itu sahaja.

Kertas putih AI merupakan perancangan Kerajaan Negeri bagi memastikan Selangor tidak terperangkap dengan serangan tanggapan selain mengkaji nilai keseluruhan teknologi berkenaan.

PENDEKKAN TEMPOH KELULUSAN

Memendekkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang dari 3.5 bulan kepada 14 hari menerusi Speed Selangor. Dasar itu dijangka bermula April tahun ini sejajar agenda Kerajaan Negeri untuk memudahcara perniagaan.

Semua 12 PBT diarah melaksanakan penambahbaikan proses dan tatacara. Bagi permohonan kebenaran merancang fast track, kesemua PBT akan menyeragam tatakara masing-masing dan kelulusan dalam tempoh tujuh hari.

Dasar itu memberi tumpuan kepada industri baharu seperti kecerdasan buatan dan industri sokongan, semikonduktor termasuk elektrik dan elektronik. Selain itu, pembinaan taman industri, perumahan termasuk kategori mampu milik, aeroangkasa serta bidang pembuatan berteknologi tinggi.

BANTU KELUARGA PELAJAR INDIA BERPENDAPATAN RENDAH

Pelajar India yang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta dibantu melalui Program Bantuan Yuran Pengajian Pelajar India B40.

Bantuan sekali bayar sehingga RM5,000 bagi ijazah sarjana muda dan RM3,000 bagi diploma diberi kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.

Dua program utama diteruskan bawah inisiatif Pembangunan Pendidikan Masyarakat India pada 2025 iaitu Program Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah dan Program Bantuan Yuran Pengajian Pelajar India B40 dengan anggaran peruntukan RM1.185 juta.

Program Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah mensasarkan pelajar sekolah jenis kebangsaan Tamil daripada keluarga berpendapatan bulanan isi rumah RM2,000 ke bawah dengan pemberian tunai RM300 kepada setiap pelajar setahun.

KECUALIKAN DUTI HIBURAN

Pengecualian penuh duti hiburan bagi artis tempatan sempena Tahun Melawat Selangor 2025. Bagi artis antarabangsa, duti hiburan dikurangkan daripada 25 peratus kepada 10 peratus bagi meraikan artis luar negara memeriahkan industri kreatif dan muzik di Selangor.

Dasar baharu bagi pameran bertiket turut diperkenalkan dengan pengurangan duti hiburan daripada 25 peratus kepada 15 peratus bermula tahun ini. Semua ini dianggarkan membawa implikasi kewangan RM13.17 juta.

Negeri yakin penjimatan di tangan pengguna mampu membawa kebaikan kepada pengusaha kecil dan sederhana yang beroperasi sepanjang pementasan serta konsert sambil memupuk lebih ramai generasi muda mencungkil bakat.

RS-2 DIPERKENAL

Rancangan Selangor Pertama (RS-1) sebagai panduan hala tuju dan pembangunan negeri bagi tempoh lima tahun bermula 2021 hingga 2025 disambung kepada RS-2.

RS-2 bermula dari 2026 hingga 2030 dengan sasaran mengekalkan Selangor sebagai peneraju ekonomi negara. Ia memantau status pelaksanaan program, projek dan inisiatif (PPI) dan 20 pemacu perubahan serta pencapaian 16 makro indikator dalam Kajian Separuh Penggal RS-1.

Sebanyak RM3.5 juta diperuntuk bagi penyediaan dokumen RS-2 melibatkan kajian, sesi libat urus, bengkel, promosi dan dokumentasi.

Kitaran emas radio

Oleh NAZLI IBRAHIM

Pengacara dan bekas penyampai radio terkenal yakin stesen radio berupaya mengembalikan kegemilangannya jika memiliki penyampai kreatif, berpengetahuan dan mahir bahasa.

Kesal kebanyakan penyampai masa kini asyik mengguna pakai bahasa pasar, bersembang sesama sendiri dan kurang variasi bahan bermaklumat, Halim Othman yang kini berusia 61 tahun tidak menyembunyikan kekecewaannya berikutan peranan radio kian hambar.

Pemenang anugerah Bintang Popular Berita Harian (ABPBH) kategori penyampai radio sebanyak lima kali itu percaya penyampai perlu ada seni tersendiri ketika ke udara, bukan terlalu santai lantaran pendengar terdiri pelbagai kelompok termasuk golongan profesional.

Meski mengakui kewujudan pelbagai peranti canggih dan media sosial, beliau percaya penyampai berperanan mengembalikan zaman keemasan atau sekurang-kurangnya membawa wadah itu ke tahap lebih baik.

“Boleh menggunakan media sosial tetapi secara minimum untuk publisiti, promosi mungkin boleh tetapi identiti dan kualiti kena kekal macam dahulu. Kembali kepada ketulenan radio asal,” katanya kepada Media Selangor sempena Hari Radio Sedunia pada 13 Februari.

Kini bersiaran di TikTok, Halim yang pernah memecahkan rekod sebagai penyampai paling lama ke udara tanpa henti percaya masa depan radio bergantung kepada pendengar yang

lazimnya mementingkan mutu penyampaian, bukan hiburan semata-mata.

“Saya dapati pendengar radio hendak penyampai yang tulen. Penyampai radio yang tulen ini lain dengan penyampai radio bukan tulen.

“Pendengar radio tulen akan kekal, ikut mana penyampai itu pergi. Tidak kisah sangat stesen mana, kebanyakan pendengar ikut ke mana penyampai pergi,” katanya.

Halim juga menyifatkan langkah mengambil individu terkenal termasuk mempengaruhi hanya kemeriahan sementara, tidak membantu mengembalikan zaman keemasan radio.

“Kalau ambil mempengaruhi yang ramai pengikut, bila ke radio, dia akan jadi seperti berinteraksi dengan pengikut media sosial tetapi tidak beri kepuasan kepada pendengar radio sebenar kecuali pengikutnya. Itu sedikit sebanyak merosakkan radio.

“Stesen radio kena bersabar. Jangan pinjam populariti tempat lain untuk radio kerana ia tidak bertahan lama,” katanya yang yakin kitaran kegemilangan radio akan kembali.

Era gemilang

Halim yakin beliau dan rakan seangkatan antaranya Kudsia Kahar, Jamal Jamaluddin, Linda Onn, Khairil Rashid, Sealan Paul, Najman dan David Low mengangkat aura radio ke tahap lebih baik jika diberi peluang.

“Selalunya setiap sesuatu ada kitarannya. Radio sekarang ibarat musim sejuk yang suram. Saya harap selepas ini datang semula musim bunga.

“Saya harap radio kembali ke musim bunga dan musim panas semula. Jadi saya harap satu lagi pusingan yang membawa semula aura radio yang sebenar,” katanya.

Halim dibesarkan dalam keluarga mementingkan pendidikan dan membolehkan beliau menamatkan pengajian di University of Tennessee, Amerika Syarikat sebelum bekerja sebagai arkitek selama lima tahun.

Kariernya dalam dunia penyiaran bermula sebagai pengacara sambilan rancangan Selamat Pagi Malaysia di Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada 1993.

Tiga tahun kemudian, Halim meletak jawatan sebagai arkitek untuk menjadi pengacara Roda Impian. Selepas dua tahun mengendalikan



Boleh menggunakan media sosial tetapi secara minimum untuk publisiti, promosi mungkin boleh tetapi identiti dan kualiti kena kekal macam dahulu. Kembali kepada ketulenan radio asal

rancangan kuiz tersebut, anak jati Terengganu itu memulakan kerjaya sebagai penyampai Radio Era mulai 1998.

Anak ketujuh daripada lapan beradik itu pantas membina reputasi sebagai penyampai terkenal. Sepanjang di Radio Era, empat kali beliau merangkul gelaran Penyampai Radio Lelaki Popular ABPBH pada 2001, 2003, 2004, 2005. Satu lagi pada 2006 bersama Sinar FM.

Beliau turut mencipta rekod bersiaran 42 jam tanpa henti, mengatasi rekod juruhebah BBC One Simon Mayo iaitu 37 jam. Halim bermula jam enam pagi 14 Ogos 2000 dan berakhir 12 tengah malam hari berikutnya.

Halim menyifatkan kejayaannya dalam industri radio banyak dibantu majikan selain kerja berpasukan bersama rakan penyampai lain.

“Saya bertuah kerana berada dalam satu angkatan yang kuat, ini antara sebab saya menang anugerah kerana dapat sokongan kuat stesen radio dan rakan-rakan,” katanya.

Halim menyertai Sinar FM pada 2006 sebelum meninggalkan stesen radio itu pada 2008. Selepas berehat dua tahun beliau kembali ke konti Suria FM pula.

Pada 2019, beliau berundur dari dunia penyiaran sebaliknya bersiaran di TikTok secara langsung atas nama HO Radio jam 10 pagi hingga 12 tengahari setiap Selasa hingga Jumaat. Manakala hari Sabtu jam 10 malam hingga 12 tengah malam.

“Sekarang saya bebas berkarya. Saya boleh buat carta Wings dan Search seperti hari ini. Carta Ahmad Jais, carta P Ramlee. Jadi, saya bebas berkarya.

“Saya juga bebas buat (bersiaran) dari rumah tetapi kalau memikirkan radio, saya rasa ramai minta saya kembali ke untuk membantu menaikkan atau membawa semula zaman keemasan radio,” katanya.



Saya dapati pendengar radio hendak penyampai yang tulen. Penyampai radio yang tulen ini lain dengan penyampai radio bukan tulen



LEBIH 30,000 hadirin berbilang bangsa dan peringkat usia memeriahkan majlis sambutan perayaan Tahun Baharu Cina peringkat negeri di Tokong Fo Guang Shan Dong Zen, Jenjarom, Kuala Langat pada 8 Februari.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Alhaj dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan menghadiri majlis tersebut bagi meraikannya bersama rakyat.

Turut mengiringi baginda Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama isteri Datin Seri Masdiana Muhamad, EXCO Pelaburan Ng Sze Han serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz.

Majlis diserikan dengan persembahan kebudayaan masyarakat Cina disertai pelbagai bangsa. Sultan Selangor dan Tengku Permaisuri berkenan menggaul 'yee sang' sebagai gimik perasmian.

Baginda berdua turut berkenan melawat Taman Lumbini, salah satu tarikan dalam tokong berkenaan.

Permaisuri bersama Masdiana turut menyampaikan angpao kepada kanak-kanak bawah 12 tahun serta warga emas. Foto dan keterangan oleh HARUN TAJUDIN.



Sultan Sharafuddin dan Permaisuri Norashikin diiringi Amirudin dan tetamu kehormat menggaul yee sang simbolik kepada kemakmuran, buah dan kebahagiaan

Lingkaran tuah



Persembahan istimewa dari juara dunia harmonika, Chong Ah Kow membawakan lagu Tanah Pusaka



Kumpulan Koir Dandelion Kanak-kanak Kuil Dong Zen mengibarkan bendera Selangor mengiringi persembahan penyanyi lelaki popular, Ah Niu



Gadis Melayu mencuri perhatian tetamu rumah terbuka Tahun Baharu Cina dengan persembahan wushu



Pasukan tarian Dua Space Dance Theatre mempersembahkan Tarian Ular Emas atau dikenali Jin She Kuang Wu



Lelaki Melayu dan wanita Cina lengkap berpakaian kebangsaan mempersembahkan tarian kebudayaan masing-masing



Taman Lumbini dalam Tokong Fo Guang Shan Dong Zen dihiasi lampu diod pemancar cahaya dan patung tikus gergasi menarik perhatian pengunjung



Murid Sekolah Kebangsaan Sungai Judah Pulau Carey mempersembahkan Tarian Inang dan Iboq



Lebih 30,000 pengunjung direkodkan memeriahkan sambutan rumah terbuka bermula jam 5 petang hingga tengah malam



Kumpulan Koir Dandelion memeriahkan rumah terbuka Kerajaan Negeri dengan persembahan pembukaan sejak jam 5 petang

Israel tegak atas noda

Laporan tentera ini, yang didedahkan sebuah akhbar Israel pada 2003, disediakan untuk pegawai atasan setelah seorang remaja Arab Badwi dirogol bergilir-gilir pada 12 Ogos 1949.

Oleh kerana gadis kecil ini, sama ada usianya 10 hingga 15 tahun atau 15 hingga 20 tahun, diperkosa, maka ketua platoon rasa dia layak dibunuh (*keratan laporan*).

Laporan ini tidak tepat. Lelaki Badwi yang bersenjata ini bukan daripada kumpulan tiga orang, termasuk remaja perempuan. Kumpulan ini bersama sekawan unta tidak bersenjata.

Operasi mengawal sempadan, tidak jauh dari wilayah Mesir, bermula 9 pagi 12 Ogos. Apabila dua lelaki dan remaja diperiksa, mereka disahkan tidak membawa sebarang senjata.

Tentera menembak ke udara, dua lelaki itu lari lintang-pukang. Remaja yang tidak bersalah itu ditangkap dan dibawa ke kem sementara. Pekikan dan laungan gadis tidak diendahkan.

Kem ini dianggotai pendatang asing dari pelbagai negara Eropah yang tidak tahu berbahasa Ibrani. Mereka menggunakan bahasa isyarat. Mereka juga tidak cukup latihan dan kurang disiplin.

Namun, beberapa pegawai atasan termasuk ketua platoon cukup terlatih dan berpengalaman. Pernah bersama tentera Britain, dialah yang tandatangan laporan ringkas ini, bertarikh 15 Ogos 1949.

Tentera peninjau ini sampai ke kem tengah hari malang itu, 12 Ogos. Kebetulan seorang pegawai lebih tinggi melawat kem tersebut.

Menyedari ada remaja Badwi, dia arahkan perempuan itu dibebaskan di tempat asal dia ditangkap. Tetapi ... arahan ini tidak dipedulikan.

Remaja itu ditelanjang dan dimandikan secara terbuka. Kemudian berlakulah insiden rogol. Rambutnya dipotong pendek dan dilumur dengan kerosin (minyak tanah).

Pakaian asalnya dibakar. Gadis dipakaikan seragam ala tentera dan disimpan di sebuah khemah kosong. Remaja ini mengadu kepada ketua platoon dia diperkosa tetapi aduannya tidak diendahkan.

Tidak berhati perut

Malah, ketua askar itu berkata si remaja patut dibersihkan sebelum dinodai lagi pasukan kecil tentera Israel itu.

Pagi esoknya, 13 Ogos 1949, beliau dibawa kira-kira 500 meter di luar kem. Seluarnya ditanggalkan, hanya tinggal baju menuju takdirnya yang maha perit.

Pasukan kecil tentera itu membawa cangkul. Tersedar nyawanya bakal melayang, remaja Badwi itu cuba melarikan diri.

Tetapi sebutir peluru singgah di kanan kepalanya. Dia jatuh tertiarap. Risau remaja itu belum benar-benar mati, beberapa das tembakan dihalakan ke jasad yang sudah kaku.

Kuburnya tidak dalam. Hanya satu kaki tempat terakhir perginya gadis kecil ini. Hilang lenyap di bawah padang pasir Naqab (Negev), tidak jauh dari penempatan pertanian (kibbutz) Nirim, berdekatan Khan Yunis di Gaza.

Berita pembongkaran insiden awal ini, hanya setahun 90 hari dari tanggal berdiri negara haram Israel, memakai tajuk "I saw fit to remove her from the world", ayat terakhir dalam laporan ringkas tentera.

The screenshot shows a Haaretz news article. The headline is "'I Saw Fit to Remove Her From the World'". The sub-headline reads: "Newly revealed documents obtained by Haaretz tell the long-hidden story of what Ben-Gurion described as a 'horrific atrocity': In August 1949 an IDF unit caught a Bedouin girl, held her captive in a Negev outpost, gang-raped her, executed her at the order of the platoon commander and buried her in a shallow grave in the desert. Twenty soldiers who took part in the episode, including the platoon commander, were court-martialed and sent to prison." The article is attributed to Aviv Lavie, Moshe Gorali, dated Oct 29, 2003. A snippet of the report is visible: "There was a particularly festive atmosphere at the Nirim outpost on August 12, 1949, the eve of Shabbat. A week of dusty patrols and pursuits of infiltrators in the sands of the western Negev desert was at an end, and the commander of the hilltop site, Second Lieutenant Moshe, gave the order to... preparations for a party. The tables in the la..."

Dalam bahasa mudah, maksudnya: oleh kerana dia sudah diperkosa, saya fikir layaklah dia dibunuh. Bunyi ayat laporan tersebut, seperti didedahkan akhbar Haaretz, sungguh sombong, selamba dan tidak berhati perut.

Dari berita inilah (*keratan akhbar*) muncul novel pendek Tafsil Thanawi karya Adania Shibli. Diterjemah kepada beberapa bahasa seperti Perancis dan Jerman, edisi Inggeris berjudul *Minor Detail*.

Anugerah ditunda

Beliau dijadual menerima LiBeraturpreis 2023 pada 20 Oktober, anugerah untuk penulis Arab, Asia, Afrika dan Amerika Latin, sempena pesta buku terbesar di Frankfurt.

Tetapi tiba-tiba penganjur memaklumkan ia "ditunda" akibat perang Hamas-Israel pada 7 Oktober. Sampai sekarang anugerah tersebut tidak disampaikan.

Lebih 600 pengarang termasuk pemenang Hadiah Nobel membantah tindakan tersebut.



The following is the report, dated August 15, 1949:

"Nirim Outpost. To: Company Commander. From: Commander, Nirim Outpost.

Re: Report on the captive

In my patrol on 12.8.49 I encountered Arabs in the territory under my command, one of them armed. I killed the armed Arab on the spot and took his weapon. I took the Arab female captive. On the first night the soldiers abused her and the next day I saw fit to remove her from the world.

Signed: Moshe, second lieutenant."

Susulan penangguhan anugerah tersebut, penerbit negara-negara Arab, Malaysia dan Indonesia memulaukan pameran buku antarabangsa ini.

Melalui Siri Pencerahan Selangor, Kerajaan Negeri menterjemah novel Arab ini dengan tajuk *Perincian* setelah beberapa kali berbincang dengan pengarang asal. Grafik kulit novel terjemahan ini juga dipersetujui bersama.

Apa yang berlaku setelah gadis Badwi itu terbunuh? Watak dalam novel ini ingin memahami di mana dan bagaimana peristiwa itu berlaku di padang pasir. Apa ada di sana, tinggalan sejarah yang terbongkar lebih 50 tahun.

Maka watak ini mengembara sendirian dengan berkereta sejauh lebih kurang 200 kilometer dari Ramallah di Tebing Barat.

Peta ini (*kiri*) menunjukkan perjalanan watak tersebut dari pusat pemeriksaan keselamatan di Qalandia ke muzim tentera sebelum tiba di Nirim, lokasi berdekatan kejadian bunuh.

Namun di manakah lokasi sebenar pembunuhan tersebut? Di manakah kem sementara tempat gadis itu dinodai? Watak itu terus mencari-cari ...

Selain novel ini, Adania pernah menghasilkan *Keep Your Eye on the Wall: Palestinian Landscapes* (2013), *We Are All Equally Far from Love* (2012) dan *Touch* (2010).

Minor Detail disenarai pendek untuk Anugerah Buku Kebangsaan bagi Sastera Terjemahan pada 2020 dan setahun kemudian disenarai panjang untuk anugerah lebih berprestij Hadiah Booker.

Meski gencatan senjata dimeterai 19 Januari, penduduk Palestin menanggung azab kesan serangan bertalu-talu rejim Israel sepanjang 15 bulan.

Lebih 47,000 orang termasuk wanita dan kanak-kanak terkorban, berderet-deret rumah musnah, hospital dan sekolah pula ranap dibom. Yang tinggal hanya sisa runtunan.

Konflik sejak pencerobohan Israel pada 1948 juga belum ada noktahnya. Rakyat Palestin yang baru pulang dari pelarian perang kini berdepan pula risiko pengusiran.

Kenyataan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump pada 5 Februari untuk mengambil alih Semenanjung Gaza mencetuskan kembali kebimbangan.

Novel Perincian terbitan Inisiatif Buku

Darul Ehsan (IBDE) karya penulis Palestin Adania Shibli (*gambar*) diinspirasi dari kisah benar kezaliman tentera Israel.

Wartawan ABDUL RAHIM SABRI menemu bual Ketua Pengarang IBDE Al Mustaqeem M Radhi dan penterjemah Abdul Jabbar Md Salleh. Berikut wawancara tersebut. Temu bual penuh dalam selangorkini.my



Jejak peristiwa sadis

Siapa Adania Shibli? Pernah baca karya beliau sebelum ini?

Al-Mustaqeem: Saya sebelum ini tidak kenal. Punca kita pilih novel ini sebab kita sedang cari novel penulis Arab untuk diterjemah. Kebetulan, ada kawan-kawan yang pernah baca novel Adania Shibli dan cadangkan. Kena pula novel ini, cerita tentang Palestin. Sesuai dengan perkembangan semasa. Sesuai dengan konflik Israel-Palestin yang semakin parah. Sesuai juga dengan hasrat IBDE untuk, pertama; memperbanyak terjemahan karya penulis Arab. Kedua, bawa cerita dari Palestin tetapi bukan yang dibaca dalam berita, dalam televisyen, dalam cerita politik. Sebab, ia ulang-ulang cerita sama. Kita hendak cerita dari sisi lain. Melalui novel, cerpen dan sebagainya antara cara untuk tunjuk cerita tentang Palestin. Jadi, Adania Shibli penulis Palestin tetapi duduk di Berlin, kalau tidak salah dan menang anugerah, sebab itu kita pilih novel ini.

Mengapa karya ini dipilih?

Al-Mustaqeem: Apabila kita teliti, buku ini sesuai. Pertama, kita tengok perkara paling praktikal. Novel ini lebih bersifat novella, novel pendek. Mudah orang kita baca. Ia ditulis dalam bahasa mudah tetapi ceritanya menarik. Itu kriteria utama.

Apa yang menarik?

Al-Mustaqeem: Ada beberapa perkara menunjukkan penulis peka terhadap apa yang terjadi di kelilingnya, yelah dia orang Palestin. Sebagai pembaca, kita nampak penulis ini cuba untuk tidak terlalu... (berhenti sejenak). Sebab Palestin-Israel isu yang emosional. Isu yang membakar perasaan. Tetapi penulis tidak membiarkan perasaannya menguasai penceritaan, tidak biarkan emosi menguasai bahasa. Penulis cuma bercerita tetapi dalam bentuk, dari satu segi macam sinis. Sebab penulis bercerita perkara menyedihkan, yang menyayat hati. Bercerita tentang tragedi. Tetapi dalam bahasa ringkas, kering, tidak berbunga-bunga. Seolah-olah guna bahasa berita pun ada. Biasanya novel berbunga-bunga tetapi ini tidak. Bahasanya langsung. Mungkin sebab



penulis (sedar) mungkin Palestin-Israel diulang cerita sama sejak awal konflik 1947-48 sampai hari ini. Tahun novel ditulis, hampir seratus tahun, cerita yang diulang, tragedi yang hampir sama. Emosi yang sama.

Jadi penulis ini ada cara. Sebab memang cerita Palestin-Israel, kadang-kadang membuatkan kita rasa kebas. Perkara sama diulang-ulang, hal sama. Tetapi kita masih tetap marah. Masih emosional. Itu yang menarik tentang novel ini. Sebab itu kita pilih dan (kisah) buku ini berdasar peristiwa sebenar pada awal konflik Israel-Palestin, ada kejadian di padang pasir Palestin, ada budak perempuan kena tangkap Israel, kena rogol ramai-ramai dan dibunuh. Jadi, berdasarkan cerita yang betul-betul terjadi. Ini bukan cerita biasa tetapi memang laporan tentera Israel yang didedahkan, yang dilapor media. Memang berlaku. Seorang budak perempuan dirogol beramai-ramai. Urutan kejadian memang tragik, memang sadis dan diceritakan semula dalam novel ini. Macam saya sebut tadi, dalam bentuk yang hampir tidak ada perasaan.

Abdul Jabbar: Kalau tengok watak utama (pada) bahagian kedua, hari-hari dia (watak) memang tidak banyak perasaan. Lalui hari dia dengan 'simple' (polos).



Pergi kerja, balik kerja. Tidak berfikir panjang. Sampai selalu terlanggar peraturan sebab tidak fikir panjang. Macam agak 'blur' (keliru). Perwatakannya macam itu. Saya rasa tulisan Adania Shibli sebenarnya cantiklah. Bila bercerita pasal kereta bergerak (sebagai contoh), macam ada kamera dalam (satu) babak. Penulis cerita bagaimana apabila kereta bergerak, kepulan asap keluar dari bawah tayar, seolah-olah kamera pergi belakang (pula). Tiba-tiba, kita tidak nampak kereta sebab ada asap. Selepas itu, ke tepi pula tengok macam mana askar-askar tutup mata sebab asap pasir terlalu banyak, dia tutup mata hidung. Lepas itu, seolah-olah kamera bergerak ke atas. Dia tidak bercerita pun pergerakan perspektif itu tetapi terus cerita, macam mana garisan tayar yang ditinggalkan itu ada dua garisan atas padang pasir akhirnya ditutup perlahan-lahan oleh pasir.

Pergerakan macam ada rakaman.

Al-Mustaqeem: (Mencelah) Itu salah satu perlambangan ataupun gambaran kejadian di Palestin. Macam bekas tayar, cepat pasir tutup balik. Macam cerita budak perempuan yang ditutup (entah) berapa lama tiada siapa tahu. Selepas beberapa puluh tahun baru terdedah. Orang Palestin yang saya pernah jumpa, bersemangat dalam isu negara. Tetapi kalau mungkin

keluarga mati, dia masih sedih. Kita bukan kata sifar perasaan tetapi ada sikit. Kita boleh ada sedikit rasa kebas sebab tragedi itu berulang-ulang setiap hari, sampai rasa macam, 'ya sedih, tapi esok akan jadi lagi'.

Novel ini berapa bahagian? Bagaimana pembahagian tugas?

Al-Mustaqeem: Ada dua bahagian. Bahagian pertama, memang menyayat hati. Novel ini menarik sebab penulis cerita dengan cara yang kita boleh faham bahawa Palestin kalau dalam penceritaan (atau) berita (mesti) menyayat hati tetapi kita sendiri boleh rasa macam lali. Saya ambil peranan fasa kedua. Fasa pertama, Abdul Jabbar terjemah sampai habis. Fasa kedua, saya tengok balik. Buat perubahan dari situ.

Adakah ilmu baru sepanjang proses terjemahan?

Abdul Jabbar: Satu daripadanya istilah Arab yang tidak pernah didengar, jadi biasa dengar. Saya berkawan dengan orang Arab pun, ada istilah baharu. Macam perkataan gula-gula getah. Saya tidak tahu pun baris dalam novel itu, sebab tidak ada baris. Saya ingat perkataannya 'da'lakah'. Jadi, semasa berbual dengan orang Arab, saya tahulah barisnya sebenarnya 'ilkah' yang selalu digunakan orang sana. Sebenarnya dari awal terjemah, saya ada buat silap, jadi Mustaqeem terangkan, ini ertinya macam ini. Oh, ini yang betul. Kita pun proses. Ulang proses sama.

Al-Mustaqeem: Perkara paling baharu apabila berurusan dengan karya Adania Shibli, sastera yang tidak berbunga-bunga. Saya sangat selesa menterjemah Najib Mahfuz (sasterawan tersohor Arab) sebagai contoh. Dengan Shibli, saya tidak selesa. Saya tidak biasa dengan sastera yang tidak berbunga-bunga.

Apakah cabaran ketika menterjemah?

Al-Mustaqeem: Cabarannya, macam mana hendak buat ayat berkesan, cantik, bunyi sedap tetapi tidak berbunga-bunga. Jadi lebih kurang macam sajaklah. ▶



Sajak biasanya orang buat berbunga-bunga hendak jadi sedap. Kemudian ada pula jenis sajak perjuangan, keras. Pak (A) Samad (Said) kata macam askar barbaris.

Tetapi untuk jumpa orang yang boleh menulis sajak dalam bahasa mudah tanpa berbunga-bunga, yang penggunaan perkataan minimum macam Pak Sapardi (Djoko Damono) sangat jarang. Rendra pun (begitu). Jadi, cabaran menangani novel Adania Shibli dalam bahasa yang hampir tidak ada perasaan, bunga-bunga langsung tidak ada tetapi masih dianggap karya sastera. Itu cabarannya.

Abdul Jabbar: Apabila baca buku Arab, teks agama, kita tahu bentuk (ayat) dia. Nahu sorofnya senang. Rasa seronok baca. Bila baca buku sastera, baca sekejap tiba-tiba hilang nahu sorofnya. (Ketawa). Saya pun tertanya-tanya. Jadi makan masa. Itu antara cabarannya apabila terlalu fokus kepada nahu. Kedua, pemilihan perkataan, gaya bahasa, semuanya berbeza. Mesti rujuk kamus, jaranglah tidak rujuk.

Boleh jelaskan proses perterjemahan dari awal hingga akhir?

Al-Mustaqeem: Prosesnya agak lama sedikit pada tahap kita hendak minta izin penerbit asal dan sementara dapat persetujuan. (Keizinan) penerbit dan penulis asal agak lambat sebab rupa-rupanya Adania Shibli cermat, sangat cermat. Selepas kita mohon izin terjemah dan terbit, baharu tahu, ada beberapa penerbit lain dari Malaysia yang turut minta izin. Jadi, Adania hendak pilih yang mana? Pada tahap itu, kita rasa 'alamak', boleh dapat atau tidak? Akhirnya Adania pilih IBDE.

Berapa lamakah dapat lampu hijau sebelum mula terjemah?

Al-Mustaqeem: Adania ada merujuk kawan-kawannya di sini dari kalangan sasterawan yang akhirnya membuat keputusan memilih IBDE. Kita tunggu agak lama untuk dapat keputusan. Mungkin dua tiga bulan. Kemudian, proses terjemah, kita buat beberapa perjumpaan dengan Abdul Jabbar. Itu makan masa sedikit. Pada peringkat awal, beliau buat beberapa muka surat kemudian kita duduk semula. Buat balik dan sambung bakinya. Itupun makan masa empat atau lima bulan. Proses suntingan makan masa tiga bulan lagi.

Jadi, kita boleh kata prosesnya hampir setahun?

Al-Mustaqeem: Ya, hampir setahun. Apabila sampai tahap reka bentuk dan penentuan tajuk, itupun ambil masa. Adania punya teliti sampai hendak tengok kulit novel, apa tajuk dalam bahasa Melayu. Tajuk yang awal dicadangkan kena tolak, tajuk kedua pun kena tolak sampai ke tahap kita bersetuju menggunakan 'Perincian'. Tajuk dan kulit buku atas persetujuan Adania Shibli sendiri. Proses itu memakan masa lebih sebulan. Jadi, lebih kurang setahun walaupun novel itu pendek.

Bagaimana proses penterjemahan teks?

Al-Mustaqeem: (Untuk) proses penterjemahan, Abdul Jabbar buat semua. Apabila selesai, editor masuk (semak) dulu (untuk) sunting. Saya masuk kemudian. Jadi, peranan saya sebagai penterjemah juga. Cuma lebih kepada tengok terjemahan lebih dekat atau hampir sama teks asal. Lebih tepat pada satu-satu penggunaan. Contohnya yang saya buat pembetulan, cerita dalam kem tentera. (Watak) komandan ada menggunakan satu bekas air untuk dimasukkan

tuala bagi mencuci muka dan badan. Ini karya sastera, kita tidak boleh sebut bekas air. (Jadi) apa nama bekas air itu? Itu kita kena bayangkan diperbuat daripada plastik, logam atau kaca. Ini cerita di kem, (jadi) bekasnya mestilah logam. Bekas air logam dalam bahasa Melayu apa namanya? Jadi, itulah tugas saya. Kalau Abdul Jabbar pakai mangkuk, saya kena tukar. Itu pembetulan yang saya buat. Kita tengok perincian satu-satu (perkataan). Kalau sebut senapang, saya semak balik, ini pistol, senapang atau mesingan? Kita semak semula supaya lebih tepat.

Dalam menterjemah, kena sentiasa membayangkan. Bahagian pertama novel berlaku tahun 1940-an, sebahagian di padang pasir. Bahagian kedua 25 tahun kemudian di kawasan yang sebahagiannya menjadi Israel. Apabila baca, kita akan tahu, peta (Palestin) sudah berubah-ubah. Ada bangunan, ada 'check point'. Dalam fikiran penterjemah, gambaran itu kena ada. Kena sentiasa sedar di bahagian pertama di padang pasir, bahagian kedua sudah ada rumah yang kena tinggal sebab tuan asal telah lari dihalau Israel.

Bagaimana hubungan bahagian satu dan dua, ada beri petunjuk?

Al-Mustaqeem: Petunjuk setakat laporan kejadian yang berlaku 25 tahun sebelum itu. Itu sahaja. Memang konflik Palestin dan Isreal pada masa lalu dan sekarang ada hubungan. Banyak yang kita lupa. Banyak sempadan kena padam. Watak duduk di sebelah Isreal atau sebelah Palestin? (Dalam) konflik Palestin Isreal, kita tidak tahu di mana sempadan.

Babak paling memberi kesan emosi ketika menterjemah?

Al-Mustaqeem: Krisis Palestin-Israel apabila terjadi memang kita jadi marah, rasa terganggu, emosional. Saya ikuti isu ini semasa jadi wartawan awal tahun 2000. Kadang-kadang, saya terjemah berita dari akhbar Israel, Mesir dan Timur Tengah. Berita tentang Israel dan Palestin, ceritanya sama, hanya ubah nama tempat, tukar nama watak. Tetapi yang berlaku selalu perkara sama. Budak kena bunuh, kawasan kena ceroboh, tanah kena rampas. Cerita sama. Masa terjemah, tidak lagi (emosional), kita sudah lali. Bukan kita tidak marah, masih lagi marah. Masih lagi anti-Israel, masih lagi kasihan tetapi ada kesan lali dan rasa kebas. Cuma, kemahiran penulis berbeza dari karya lain yang pernah saya kendali.

Adakah ia antara sebab novel ini menang anugerah antarabangsa?

Al-Mustaqeem: Mungkin sebab utama kerana kemahiran penulis. Sebab ada banyak perlambangan seperti yang disebut Abdul Jabbar (tentang) kesan tayar. Dan mengenai darah unta yang meresap dalam pasir.

Bahagian satu dan bahagian dua, yang mana lebih menarik perhatian?

Al-Mustaqeem: Sama sahaja. Bahagian kedua lebih tentang akibat. Maknanya, apa yang terjadi dalam bahagian pertama, peringkat awal Isreal ditubuh. Bahagian kedua tentang akibat, selepas pembentukan Israel. Tetapi penulis tidak terlalu politikal.

Mengapa tidak terlalu politikal?

Al-Mustaqeem: Penulis tidak kata Isreal jahat,

tidak kata Palestin baik atau sebaliknya. Tidak. Novel ini merakam apa yang terjadi. Ia merakam dari sisi spesifik terutama cerita yang dilupai. Hal kecil yang terjadi tetapi memberi kesan sampai puluhan tahun.

Dari satu sudut, kita boleh kata ia cerita kemanusiaan. Saya andaikan, penulis tidak mahu ambil sisi politik, nanti orang juling dan berpihak kepada perkara yang tidak semestinya betul. Jadi, kita boleh kata penulis memilih bercerita tentang sebuah tragedi kemanusiaan.

Bagaimana satu kaum, pada satu masa zaman Hitler, kena tindas, dibunuh beramai-ramai, akhirnya menjadi penindas. Ini tragedi kemanusiaan. Ia boleh terjadi kepada sesiapa sahaja. Kita boleh tukar nama Isreal kepada kaum lain. Ini boleh terjadi dan memang terjadi pun. Cuma kes Palestin-Israel berlaku dalam skala besar dan berpanjangan, selama puluhan tahun. Negara yang dulu mahu membela kaum tertindas, sekarang menjadi kaum penindas. Ini tragedi kemanusiaan, lebih daripada sebab politik.

Jangan anggap Israel itu tunggal. Ada Israel yang liberal, yang ortodoks, yang protentera, yang prodamai. Mungkin penulis lebih melihat ini dari sudut tragedi kemanusiaan dan akibatnya kepada satu bangsa. Yang menerima kesan buruk bukan setakat Palestin.

Dalam bahagian pertama, komandan yang merogol pun ada dilema dalam tugasnya melalui pelambangan ketika digigit labah-labah. Dalam keadaan sakit pun, daging mula mereput tetapi kerja menindas kena terus. Nampak? Pembunuh bukan sahaja kena bunuh mangsa tapi kena bunuh jiwanya.

Mesej yang boleh dijadikan iktibar?

Al-Mustaqeem: Saya tidak rasa novel ini tentang iktibar. Novel ini bercerita untuk kita dapat gambaran yang terjadi. Mungkin apabila baca novel ini, ini andaian saya, penulis mahu melihat apa yang terjadi adalah tragedi kemanusiaan. Orang akan sentiasa ingat. Kalau orang yang terlibat dalam konflik ini akan melihatnya sebagai tragedi kemanusiaan, lebih dari isu agama, politik, kaum.

Mengapa novel ini patut dimiliki, dibeli dan dibaca?

Abdul Jabbar: Saya rasa pengiktirafan global. Global mengiktiraf novel ini bagus dan sebolehnya kita mahu sumbangkan yang terbaik supaya kita tidak membazir tenaga dan masa.

Al-Mustaqeem: Dalam konflik Israel-Palestin, kita tidak sepatutnya cuma angkat bendera Palestin sana sini, lekat bendera Palestin dekat motosikal, pakai baju Palestin, pakai serban macam orang Palestin, pakai tudung lambang Palestin tetapi kita tidak tahu, apa perincian yang terjadi dekat sana. Jadi, yang kita sokong dan kasihan ini apa? Kalau kita sayang Palestin, kena bacalah apa sahaja cerita mengenai Palestin. Apa sahaja berkaitan konflik kena baca. Sekalipun yang kita baca buku lain, dari sudut perspektif Isreal sebagai contoh, kena baca juga. Kalau kita anggap Israel musuh dalam konflik perang, kita kena kenal musuh.

Tambahan lagi, novel ini lebih kepada sudut pandang tragedi kemanusiaan. Lebih-lebih lagilah (kena baca). Jadi, kita bukan sahaja tengok gambar emak pegang anak mati, bapa pegang mayat anak tetapi kita baca lebih terperinci. Ini bukan satu-satu novel yang kita baca dan faham semua benda. Tidak. Maksud saya, ini salah satu yang mesti dibaca.

Bantah Amerika usir orang Palestin

SHAH ALAM - Malaysia secara tegas menolak sekeras-kerasnya cadangan tidak masuk akal Amerika Syarikat (AS) untuk mengusir rakyat Palestin secara paksa dari tanah air mereka.

Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan mengingatkan usul memaksa penduduk Palestin ditempatkan ke negara ketiga jelas bertentangan konvensyen, piagam dan triti antarabangsa.

"Malaysia menyokong perjuangan Palestin bukan sehari dua. Kita menyokong perjuangan mereka dapatkan hak, negara yang merdeka. Kita bukan menyokong kerana isu lain," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Ahli Parlimen Paya Besar Datuk Mohd Shahrul Abdullah mengenai pendirian Malaysia berhubung perkara itu dalam sidang Dewan Rakyat.

Mohamad menegaskan Malaysia selaku pengerusi Asean tidak bersetuju tindakan yang melanggar hak asasi manusia, piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau undang-undang antarabangsa.

82 peratus kawasan dapat liputan 5G

SHAH ALAM - Pengguna rangkaian 5G di seluruh negara mencecah 53.35 peratus atau 18.19 juta langganan setakat suku keempat tahun lepas, kata Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil.

Beliau memberitahu ia pencapaian terbaik dalam tempoh singkat sekali gus menjadi langkah besar dalam membangunkan prasarana telekomunikasi lebih baik untuk semua, lapor Bernama.

Menurut Fahmi lagi, liputan 5G di kawasan berpenduduk di seluruh negara juga mencapai 82.4 peratus dalam tempoh sama sekali gus memperkukuh infrastruktur digital negara.

"Ini pasti membuka lebih banyak peluang untuk inovasi, meningkatkan produktiviti serta membawa kebaikan buat rakyat Malaysia," katanya di Facebook pada 5 Februari.

Salur RM13 bilion untuk STR, SARA

SHAH ALAM - Hampir RM13 bilion disediakan untuk Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) demi membantu golongan rentan berdepan kenaikan kos sara hidup.

Timbalan Menteri Ekonomi Datuk Hanifah Hajar Taib berkata RM300 juta pula diperuntuk kepada inisiatif Payung Rahmah manakala RM700 juta lagi untuk program mengawal harga

barang.

"Bagi program Penyeragaman Harga Barang di Sabah, Sarawak dan Labuan, RM40 juta turut diperuntuk," katanya seperti dilapor Bernama di Dewan Rakyat pada 5 Februari.

Beliau menjawab soalan Wong Chen (Pakatan Harapan-Subang) berhubung saranan Jabatan Perangkaan Malaysia supaya memerangi kenaikan kos sara hidup.

Sehari kemudian, Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan memaklumkan lebih RM50 juta dibelanjakan untuk 700,000 penerima SARA kategori miskin dan miskin tegar setakat 5 Februari.

Beliau memberitahu perbelanjaan tersebut melibatkan barangan keperluan asas meliputi 1,600 pasar raya dan kedai runcit sejak sumbangan tersebut disalur mulai 15 Januari.

Atasi isu kepadatan pelajar

Bina 44 sekolah baharu tahun ini

SHAH ALAM - Sebanyak 44 sekolah baharu akan dibina dalam tahun ini bagi memenuhi keperluan sekali gus menangani isu kepadatan murid di bandar, kata Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek.

Beliau menjelaskan kerajaan meluluskan pembinaan sekolah itu, paling banyak dalam empat tahun terakhir, berdasarkan kelulusan Belanjawan Madani 2025,

lapor Bernama.

"Pembinaan sekolah yang diluluskan dalam belanjawan mengikut tahun bagi empat tahun terakhir iaitu 2025 (44), 2024 (26) dan masing-masing sembilan bagi 2023 dan 2022."

"Jika dilihat data itu, dua tahun terakhir kerajaan berusaha meningkatkan pembinaan sekolah baharu bagi memenuhi keperluan dan menangani

isu sekolah padat terutama di bandar," katanya.

Beliau ditemui pemberita dalam Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina Parti Keadilan Rakyat Pulau Pinang di Sungai Bakap, Nibong Tebal pada 9 Februari.

Fadhlina yang juga ahli parlimen Nibong Tebal mengulas rungutan ibu bapa berkaitan bilangan murid darjah satu yang ramai hingga 50 orang dalam satu kelas di beberapa sekolah di bandar.



Waktu larangan lori di lebuh raya

SHAH ALAM - Larangan pergerakan kenderaan berat memasuki lebuh raya pada waktu puncak diperluas ke beberapa jajaran lebuh raya terpilih di sekitar Lembah Klang mulai 19 Februari.

Langkah itu berkuat kuasa antara Isnin hingga Jumaat kecuali hari kelepasan am mulai jam 6.30 hingga 9.30 pagi dan 4.30 petang hingga 7.30 malam meliputi jajaran berikut:

- Lebuhraya Utara-Selatan: Sungai Buloh ke Bukit Lanjan bagi kedua-dua arah (km456.0 hingga km459.3)
- Lebuhraya

Utara-Selatan Hubungan Tengah (NKVE): Shah Alam ke Jalan Duta bagi kedua-dua arah (km9 hingga km3)

- Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (Elite): Shah Alam ke Bandar Saujana Putra bagi kedua-dua arah (km1.03 hingga km16.2)
- Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (Duke): keseluruhan laluan

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Datuk Sazali Harun memberitahu larangan itu diwartakan kerajaan pada 21 Oktober tahun lalu bagi melancarkan aliran trafik, lapor Bernama.

Beliau dalam kenyataan pada 7 Februari menjelaskan pelaksanaan tersebut meliputi kenderaan dua gandar dan enam roda serta kenderaan tiga gandar atau lebih kecuali bas.

Katanya, kenderaan berat yang terlibat kerja pembersihan, penghantaran sisa domestik, perkhidmatan kecemasan dan penguatkuasaan serta penyelenggaraan lebuh raya dikecualikan.

Menyeru pemilik dan pemandu kenderaan berat mematuhi waktu larangan berkenaan, Sazali berkata ia antara inisiatif Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Dan Kesesakan Jalan Raya.

Jualan Rahmah sesi sekolah

SHAH ALAM - Program Jualan Rahmah Madani Kembali ke Sekolah diadakan pada tahun ini bagi memastikan rakyat mendapat barangan persekolahan pada harga lebih murah berbanding pasaran.

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali, program itu bermula sejak 18 Januari dan dijadual berakhir 16 Februari, lapor Bernama.

Beliau memberitahu jualan tersebut menawarkan potongan harga antara 10 hingga 30 peratus

lebih rendah berbanding pasaran meliputi seragam, kasut, beg dan kelengkapan alat tulis.

Armizan juga menjelaskan 243 siri jualan berkenaan dibuat hasil kerjasama 174 pasar raya, pusat beli-belah dan kedai pakaian di seluruh negara.

Katanya, sebanyak 101 siri program selesai dijalankan setakat 9 Februari bagi membantu rakyat terutama golongan kurang berkemampuan menyediakan kelengkapan sekolah anak mereka.



Air Selangor
PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER		
Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000020958	ANNUAL MAINTENANCE SUPPORT (AMS) FOR TAMS ERP, WAMS, SERVICE PROCUREMENT (SP) AND FINANCIAL ANALYTIC (FA) FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS (2025-2027)
2.	PN0000021126	RENEWAL OF MONTHLY SUBSCRIPTION FOR ALIBABA CLOUD SERVICES (ABC)
3.	PN0000021142	RENEWAL OF ANNUAL MAINTENANCE SUPPORT (AMS) FOR CUSTOMER INFORMATION SYSTEM (CRIS) FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS (2025-2028)
4.	PN0000021143	ANNUAL SUBSCRIPTION FOR AIR SELANGOR OUTSYSTEMS CLOUD PLATFORM FOR YEAR 2025/2026

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender/prakelulusan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> or <https://tender.airselangor.com>



MESRA... Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan melawat sekitar Taman Kucing Shah Alam selepas majlis perasmian di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam pada 9 Februari. Foto Facebook Majlis Bandaraya Shah Alam. ▶ BERITA MUKA 3

Sita kenderaan, keluar kompaun

Tangani isu sampah, tambakan haram

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) tegas menangani isu pembuangan sampah haram dan penambakan tanah tidak sah di Kampung Sri Sentosa dan Kampung Sri Aman, Ijok.

Yang Dipertuanya Mohamad Hanafe Basri memberitahu tindakan penguatkuasaan berterusan dijalankan sejak 2008 termasuk amaran lisan dan notis kompaun kepada semua pihak.

Katanya, lokasi pembuangan sampah haram ditutup dan parit

dikorek pada 2016 bagi menghalang kenderaan manakala pintu pagar dan pondok haram dibina di laluan masuk ke situ diroboh.

"Walaupun tindakan diambil, pembuangan sampah haram dan penambakan tanah masih berterusan. Cabaran utama permintaan tinggi pemilik tanah menambak kawasan bagi elak banjir," katanya pada 7 Februari.

Beliau menjelaskan dua kampung berkenaan yang terletak berhampiran tebing Sungai Buloh sering mengalami banjir kilat berikutan kedudukannya lebih rendah berbanding jalan raya dan sungai.

Mohamad Hanafe menjelaskan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bilangan 1/2019 dijalankan bagi menyelaraskan tindakan penguatkuasaan antara agensi.

Katanya, sebanyak 134 kenderaan disita, 281 kompaun dan notis (20) dikeluarkan kepada pihak terlibat dalam kegiatan itu antara 2020 hingga kini, dengan sitaan tertinggi pada 2023.

"Sehingga kini sebanyak 33 notis 7A dikeluarkan kepada pemilik tanah dengan 28 daripadanya tamat tempoh dan tindakan diteruskan dengan pengeluaran notis 7B," kata beliau lagi.

Bazar Ramadan stadium kekal

SHAH ALAM - Bazar Ramadan di Stadium Shah Alam dijadual beroperasi seperti biasa pada tahun ini meskipun proses pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) giat dijalankan.

Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim memberitahu operasi berkenaan turut mengambil kira aspek keselamatan walaupun tapak tersebut tidak terlibat dengan projek KSSA.

"Bazar Ramadan di Stadium Shah Alam masih ada tahun ini. Semuanya

seperti biasa dari segi jumlah peniaga dan sebagainya. Kita tidak ubah apa-apa," katanya pada 5 Februari.

Katanya, Majlis Bandaraya Shah Alam hanya membenarkan penjualan mercun dan bunga api meliputi empat bazar, terhad kepada lima peniaga di Seksyen 19, Seksyen 13, Seksyen 20 dan Seksyen 17.

"Kita masih benarkan penjualan mercun dan bunga api untuk Aidilfitri tetapi hanya empat bazar terpilih sahaja. Kita

hanya sediakan lesen kepada lima peniaga itu," katanya.

Pada bulan lalu, Majlis Bandaraya Ipoh mengumumkan larangan penjualan mercun dan bunga api di semua bazar Ramadan kendalian pihak berkuasa tempatan itu.

Datuk Bandar Ipoh Datuk Rumaizi Baharin dilapor berkata peniaga hanya dibenar menjual bunga api dan mercun dalam jarak 25 meter dari bazar demi menjamin keselamatan pengguna.

Jaya kempen bebas beg plastik

PETALING JAYA - Peruntukan RM30,000 disediakan bagi menjayakan kempen bebas beg plastik di bazar Ramadan sekitar Petaling Jaya pada tahun ini.

Timbalan Datuk Bandar Aznan Hassan memberitahu kempen berkenaan menawarkan kupon digital bernilai RM15 kepada pengunjung yang menggunakan beg kitar semula.

"Kupon ini boleh ditebus di semua bazar Petaling Jaya. Majlis Bandaraya Petaling Jaya turut meneruskan program kitar semula minyak masak selepas berjaya mengumpul 2.5 tan minyak masak pada tahun lalu.

"Program pengasingan sisa turut diperkenal bagi menggalakkan inisiatif mesra alam dan ganjaran diberi kepada peniaga yang mengamalkan perniagaan lestari," katanya pada 5 Februari.

Aznan berkata pihaknya menggalakkan penglibatan usahawan mikro ekonomi sampingan (gig) seperti Platform Selangor (PLATS), GrabFood dan ShopeeFood.

Kumpul 2.5 tan sisa kitar semula

SHAH ALAM - Sebanyak 2.5 tan barangan kitar semula dikumpul Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dalam program Sampah kepada Tunai di Taman Melawati baru-baru ini.

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan program yang menawarkan ganjaran bersesuaian menerima sambutan menggalakkan berikutan acara tersebut dihadiri kira-kira 100 penduduk setempat.

Menurut MPAJ lagi, inisiatif berkenaan bertujuan memudahkan penduduk menyerahkan barangan kitar semula untuk diurus mengikut tatacara betul demi mengekalkan kelestarian alam sekitar.

"Barangan tersebut termasuk e-sisa (alatan elektrik dan elektronik) dan minyak masak terpakai," kata kenyataan.

Mural ceriakan Hari Tanpa Kenderaan

SHAH ALAM - Lebih 1,000 komuniti bandar raya Subang Jaya memeriahkan Program Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya (HTKSJ) 2025 di Taman Tasik Sri Serdang di sini pada 8 Februari.

Menurut Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadikan edisi pertama itu meriah ditambah sentuhan seni mural di Tasik Sri Serdang yang menceriakan suasana.

"Lebih 1,000 komuniti bandar raya hadir memeriahkan program HTKSJ 2025 di Taman Tasik Sri Serdang! Edisi kali ini lebih istimewa dengan kolaborasi MBSJ & UPM.

"Pelbagai acara menarik seperti fiesta sarapan pagi, pemeriksaan kesihatan percuma, Eco Free Market, Sukan Rakyat Tradisional & Explorace Kenali & Hapus Denggi," kata kenyataan di Facebook.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	TARIKH IKLAN	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/KEJ/43/2025	CADANGAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN LANTERA LAMPU AWAM LED SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI PERSIARAN SEMARAK API (J1 LAKEFRONT), LINGKARAN CYBERPOINT TIMUR DAN BARAT, JALAN USAHAWAN, PERDANA LAKEVIEW WEST, PERSIARAN CYBERPOINT SELATAN, PERSIARAN HARMONI, CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2025	CIDB, SPKK DAN Gred G4 Kategori ME Pengkhususan E04 (Pemasangan Voltan Rendah), E06 (Sistem Pencahayaan Khas), E11 (Kerja-Kerja Am Elektrikal), E16 (Pemasangan Dan Penyenggaraan Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat) & E17 (Kabel Bawah Tanah Voltan Rendah) DAN UPEN	Tarikh Buka: 13 Februari 2025 Tarikh Tutup: 6 Mac 2025	RM500.00
2.	T/MPSepang/KEJ/44/2025	CADANGAN KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN MERANTI JAYA PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2025	CIDB, SPKK DAN Gred G4 Kategori CE Pengkhususan CE01 (Pembinaan Jalan Dan Pavmen) & CE42 (Membuat Isyarat Dan Mengecat Jalan) DAN UPEN	Tarikh Buka: 13 Februari 2025 Tarikh Tutup: 6 Mac 2025	RM500.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **13 Februari 2025** hingga **6 Mac 2025** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskhah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah Surat Lantikan Wakil, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran boleh dibuat secara atas talian melalui **FPX, Kredit Kad dan Debit Kad** atau secara **Tunai, Wang Pos atau Bank Draf** yang berpaling atas nama **'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'**.
3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari** pada **6 Mac 2025**. Tempoh sah tender yang dihantar kemudian daripada ini adalah sah selama 120 hari daripada tarikh iklan tender ini. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke **Jabatan Kejuruteraan (03-83190200 samb. 380/381/382)**, Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api, 63200 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.
4. Kontraktor-kontraktor yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Timbalan Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	TARIKH IKLAN	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/ICT/45/2025	CADANGAN KERJA-KERJA MEMBEKAL ALAT TULIS (TONER/INK) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2025	MOF 210101 - Hardware (Low End Technology) - Supply All Types Of Computer Hardware Including PC, Notebook, Printer, Document SC ATAU 210103 - Software - Supply All Computer Software, Operating System, Database, Off-The-Shelf Packages Including Maintenance ATAU 210105 - Telecommunication/Networking - Supply Product, Infrastructure, Services Including Maintenance (LAN/WAN/Internet/Wire) ATAU 020601 - Bekalan Pejabat Dan Alat Tulis > Alat Tulis (Tidak Termasuk Borang Dan Semua Jenis Kertas) DAN UPEN	Tarikh Buka: 13 Februari 2025 Tarikh Tutup: 6 Mac 2025	RM200.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **13 Februari 2025** hingga **6 Mac 2025** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskhah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran boleh dibuat secara atas talian melalui **FPX, Kredit Kad dan Debit Kad** atau secara **Tunai, Wang Pos atau Bank Draf** yang berpaling atas nama **'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'**.
3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari** pada **6 Mac 2025**. Tempoh sah tender yang dihantar kemudian daripada ini adalah sah selama 120 hari daripada tarikh iklan tender ini. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke **Unit Teknologi Maklumat (03-83190200 samb. 210/211)**, Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api, 63200 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.
4. Kontraktor-kontraktor yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Timbalan Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang


AGENDA 20

selangorkini 13 - 19 Februari 2025

Pemulihan ahli GISBH

SHAH ALAM - Lebih 2,000 pengikut GISB Holdings (GISBH) tampil secara sukarela untuk mengikuti program pemulihan al-Riqab kendalian Majlis Agama Islam Selangor (Mais) mulai 15 Februari.

Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata inisiatif menerusi program Insan Rabbani selama dua tahun untuk empat fasa dan perkembangan mereka dipantau dari masa ke masa.



Katanya, fasa pertama selama enam bulan membabitkan pemulihan, pemantapan dan pengukuhan (enam bulan) seterusnya dipantau melalui pascapemulihan, pemantauan dan khidmat sokongan.

"Pada peringkat Kerajaan Negeri, kami sangat serius untuk memastikan mereka tidak pulang ke asal seperti dulu," katanya menambah program itu turut melibatkan lebih 1,300

kanak-kanak.

Abdul Aziz juga memberitahu proses pemulihan di pusat perlindungan terpilih menggunakan Modul Isti-tabah untuk kalangan dewasa dan Modul Pendidikan Islam Insani kepada kanak-kanak.

Beliau menambah pen-tadbiran negeri bersama persekutuan juga sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi bagi memastikan program pemulihan tersebut

berjalan lancar.

Mengalu-alukan lebih ramai ahli GISBH menyertai program berkenaan, beliau menjelaskan pendaftaran boleh dibuat di Bahagian Pemulihan Al-Riqab Mais.

"Harapan Mais apabila mereka tamat program ini, penerimaan masyarakat positif. Kita tidak mahu mereka berasa terasing sebaliknya diterima masyarakat," katanya.

Mula belajar di sekolah

SHAH ALAM - Seramai 200 anak-anak bekas ahli GISB Holdings (GISBH) yang selesai menjalani pemulihan bakal memulakan pendidikan formal di sekolah kerajaan tidak lama lagi.

Menurut EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah, mereka akan dipantau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk memastikan tiada pelanggaran syarat pelepasan atau berdepan tindakan.

"Syarat termasuk memasukkan anak mereka ke sekolah kebangsaan untuk kita integrasi dalam masyarakat. Saya mahu berpesan kita harus mendampingi dan melayan mereka seperti orang lain.

"(Kita perlu) berkawan baik dan bantu mereka, baik guru ataupun rakan-rakan sekolah," katanya selepas

menyerahkan bantuan persekolahan RM400 kepada anak-anak GISBH pada 8 Februari.

Beliau juga memberitahu proses pemulihan akidah dalam kalangan kanak-kanak berkenaan juga semakin baik berdasarkan semakan Jabatan Agama Islam Selangor dan Majlis Agama Islam.

Pada Oktober tahun lalu, Selangor memfatwa dan mewartakan fahaman, ajaran, pegangan atau amalan ahli GISBH dan rangkaianannya menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar.

Berdasarkan fatwa itu, mana-mana orang Islam dilarang untuk beramal, berpegang, menjadi pengikut, mengajar, menyebarkan, mengembangkan dan menyokong ajaran tersebut.

Capai sasaran pelawat

SHAH ALAM - Tourism Selangor yakin kempen Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025) mampu mencapai sasaran kedatangan lapan juta pelancong.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Chua Yee Ling berkata pihaknya memberi tumpuan kepada pasaran pelancong utama seperti Jepun, China dan Indonesia.

"Tourism Selangor menjalin kerjasama dengan pemain industri menganjurkan pelbagai karnival fiesta makanan dan gastronomi.

"Pada Mac depan, tumpuan utama adalah pesta durian yang akan menjadi tarikan pelancong luar datang ke Selangor menikmati raja buah ini," katanya pada 11 Februari.

Yee Ling menambah pihaknya turut menganjurkan lawatan bersama peserta Forum Pelancongan Asean untuk mempromosi produk pelancongan Selangor pada bulan lepas.

"Lawatan ini melibatkan pengamal media, pemimpin pendapat utama dan agensi pelancongan seluruh Asean.

"Mereka turut dibawa mengenali produk pelancongan negeri dengan lebih dekat selain membantu promosi kempen TMS2025," katanya.

Menurutnya lagi, Tourism Selangor melalui penglibatan persatuan budaya turut membuat promosi poster dan logo TMS2025 di majlis sambutan perayaan Tahun Baharu Cina.



KERJASAMA... Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Zahri Samingon (tengah) menyampaikan cek cura kepada pelari menara Soh Wai Ching (dua, kanan) selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman di ibu pejabat MBPJ, Petaling Jaya pada 10 Februari. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN ▶ BERITA MUKA 24

Ibrahim Syaihul wira pasukan

Cyberjaya Teleflow FC julang trofi SCL

AMPANG JAYA - Cyberjaya Teleflow FC menjulang trofi Liga Juara Selangor (SCL) 2024 selepas menewaskan MPKJ FC 1-0 dalam perlawanan akhir pada 9 Februari.

Jaringan tunggal Ibrahim Syaihul pada minit ke-35 membolehkan pasukannya mengakhiri kejohanan dengan penuh bergaya dalam aksi seimbang di Stadium MPAJ di sini.

Rekod pertembungan dua pasukan sebelum ini memihak MPKJ FC yang

menang kedua-dua perlawanan.

Cyberjaya Teleflow FC turut menikmati keceriaan berganda selepas pemainnya Muhammad Fazrul Fahriz Zeky dinobatkan pemain terbaik SCL 2024.

Pemain NPNG Damansara Damai FC Aiman Sufi dinobatkan pemenang anugerah kasut emas dan anugerah sarung tangan emas milik pemain AAK FC Puncak Alam Ayyub Hakimi.

Hadiah disampaikan Timbalan Presiden Persatuan Bolasepak Selangor

Dato' Seri Shahril Mokhtar dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya Dr Ani Ahmad.

SCL dianjurkan buat kali kelapan tahun ini merupakan liga bola sepak hasil ilham Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Sempena perlawanan akhir SCL 2024 turut berlangsung persahabatan antara pasukan Legenda Selangor yang tewas 0-3 menentang Pilihan SCL.

Muktamad e-sukan selepas Aidilfitri

SHAH ALAM - Selangor selaku tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA) bercadang mempertanding e-sukan susulan sambutan positif acara itu pada SUKMA 2024 di Sarawak.

EXCO Sukan Najwan Halimi berkata perkara itu dijangka dimuktamadkan selepas Aidilfitri memandangkan Selangor memiliki barisan atlet yang berpotensi untuk menyumbang pingat.

"Walaupun bukan sukan teras, kita melihat ia mendapat sambutan pada

SUKMA 2024 jadi Selangor bercadang untuk menyambung (acara e-sukan).

"Sekretariat SUKMA 2026 Selangor telah bertemu Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara Abdul Rashid Yaakub bagi perbincangan acara sukan yang akan dianjurkan," katanya pada 6 Februari.

Sementara itu, Najwan memaklumkan Menteri Besar Selangor (Permerbadanan) atau MBI akan membangunkan perancangan baik pulih Hotel Carlton untuk dijadikan gedung

e-sukan negeri.

"Kerajaan Negeri menunggu pelan MBI selaku pemilik bangunan, peruntukan RM1 juta telah disediakan namun akan disalurkan mengikut tahap keperluan proses baik pulih hotel ini," jelasnya.

Sejumlah RM1 juta diperuntukkan Kerajaan Negeri dalam belanjawan tahun ini bagi ubah suai Hotel Carlton di Seksyen 13 di sini untuk dijadikan gedung e-sukan.

Bantu Red Giants kukuh kedudukan

SHAH ALAM - Penyerang import Selangor FC berazam untuk terus membantu pasukan mencatat kemenangan dan mengukuhkan kedudukan dalam baki perlawanan Liga Super.

Ali Olwan menegaskan masih banyak yang dia mahu berikan kepada Red Giants selepas meledak satu gol ketika menewaskan Sri Pahang FC baru-baru ini, lapor Berita Harian.

"Alhamdulillah jaringan yang cukup penting untuk saya dan pasukan. Namun, apa yang lagi penting adalah tiga mata yang kami peroleh.

"Selagi saya boleh bantu pasukan, selagi saya dapat bagi kemenangan, saya gembira dan banyak lagi saya ingin berikan untuk pasukan dalam perlawanan seterusnya," katanya pada 11 Februari.

Sasar pecah dominasi negeri lain

SHAH ALAM - Atlet negeri bagi 28 sukan wajib dipertandingkan mula menjalani latihan intensif sebagai persiapan menghadapi kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) tahun depan.

Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri Selangor Mohamad Nizam Marjuki berkata lantikan jurulatih untuk sukan berprestasi tinggi itu juga selesai dan selain setiap atlet dihantar menyertai kejohanan.

"Sukan yang menjadi lubuk pingat seperti renang dan olahraga menjalani latihan selepas SUKMA Sarawak bagi mengekalkan momentum.

"Manakala latihan berkala untuk sukan seperti menembak, gimnastik dan basikal ditingkatkan kerana kita menasaskan penambahan pingat serta memecah dominasi negeri lain," katanya pada 11 Februari.

Gilap potensi bakat ke sukan lain

SHAH ALAM - Kementerian Belia dan Sukan akan membantu memudahkan perpindahan bakat ke sukan lain bagi memastikan usaha ibu bapa yang menghantar anak mereka berkecimpung dalam sesuatu sukan tidak disia-siakan.

Menterinya Hannah Yeoh berkata usaha berkenaan bagi memastikan perjalanan bakat muda tidak terhenti jika mereka didapati kurang berpotensi untuk mewakili negara, lapor Bernama.

"Sukan yang memerlukan atlet untuk bermula pada usia muda seperti gimnastik berirama adalah satu daripadanya tetapi tidak semua kanak-kanak akan membesar menjadi atlet yang mewakili Malaysia.

"Saya tidak mahu pelaburan awal yang dilakukan ibu bapa dibazirkan. Apabila kanak-kanak itu menyedari mereka tidak berapa bagus dalam sukan itu," katanya pada 9 Februari.



JAMALIAH JAMALUDDIN
Bandar Utama
memberi duit raya kepada pesakit buah pinggang di Klang



IZUAN KASSIM
Kota Damansara
serah sumbangan raya kepada penduduk di DUN beliau



ABBAS AZMI
Seri Serdang
menghadiri program wanita di Pangsapuri Seri Pelangi, Subang Jaya



DATUK JOHAN AZIZ
Dusun Tua
bersama penerima sumbangan Kembali ke Sekolah di DUN beliau



RAJIV RISHYAKARAN
Bukit Gasing
meraikan sambutan rumah terbuka Tahun Baharu Cina di DUN beliau



DAVID CHEONG
Kajang
melawat tapak niaga bersama wakil agensi di Batu 13, Kajang



WONG SIEW KI
Seri Kembangan
meninjau kedai terbakar di Jalan Besar Seri Kembangan, Subang Jaya



PANG SOCK TAO
Kuala Kubu Bharu
menziarahi mangsa kebakaran di DUN beliau

Sertai empat saringan kesihatan

SHAH ALAM - Program pemeriksaan kesihatan percuma diteruskan lagi meliputi empat lokasi sepanjang Februari, menurut EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin.



Ia diadakan di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Bangunan Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah pada 14 Februari diikuti Dewan Pusat Komuniti Kampung Kunci Air Buang, Kuala Selangor keesokannya.

Beliau memberitahu program sama juga diteruskan di Dewan Orang Ra-

mai Kampung Chuang Rasa, Kuala Kubu Bharu pada 22 Februari dan Dewan Meru, Kapar pada 23 Februari.

"Orang ramai dipelawa mengunjungi Selangor Saring dan mengambil peluang melakukan pemeriksaan kesihatan percuma bagi fizikal, ujian darah, urin, barah, mata dan gigi," katanya.

Jamaliah juga memaklumkan peserta digalakkan mendaftar di aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SE-

Langkah). Sebarang masalah hubungi hotline Selcare 1-800-22-6600.

Peruntukan RM2 juta disediakan untuk meneruskan saringan kesihatan percuma yang diperkenalkan sejak tahun 2022 bagi mengesan penyakit lebih awal.

Program Selangor Saring menyasar individu yang ada sejarah perubatan keluarga, obesiti dan mengamalkan gaya hidup tidak sihat.

Hampir 7,000 rakyat menjalani saringan percuma sepanjang 2024 dengan 38 peratus peserta berumur 46 hingga 64 tahun.

Manfaat 200,000 penduduk Setia Alam

RM150 juta atasi masalah banjir kilat

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Projek tebatan banjir yang dijayakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) membawa manfaat kepada kira-kira 200,000 penduduk sekitar Setia Alam, kata EXCO keusahawanan.

Menurut Najwan Halimi, projek dengan anggaran kos RM150 juta itu dijangka menyelesaikan banjir kilat yang kerap berlaku di kawasan berkenaan sejak 2021.

"Rancangan projek tebatan banjir ini melibatkan Sungai Binjai dan Sungai Puloh. Sejak akhir-akhir ini, kerap juga

insiden banjir berlaku dan ia sukar untuk diramal lagi.

"Mungkin antara faktornya, pembangunan tetapi kita tidak boleh salahkan pembangunan dan alam semata-mata, kita perlu ambil tindakan segera," katanya selepas merasmikan sesi dialog awam projek itu pada 5 Februari.

Najwan juga memberitahu berkata MBSA mengenal pasti beberapa lokasi berisiko membabitkan kawasan utiliti awam dan pembangunan yang memerlukan kerjasama banyak pihak.

Beliau yang juga wakil rakyat Kota Anggerik menjelaskan rancangan



tebatan banjir yang sedang dipertimbang antaranya pembinaan saliran perparitan lestari dan pembesaran kolam takungan.

"Pelan tebatan banjir ini akan memperkenalkan perparitan lestari yang dapat menangani isu banjir serta

mengurangkan impak terhadap alam sekitar.

"Pendekatan ini merangkumi elemen seperti penyerapan air semula jadi, pengekalan kawasan hijau dan integrasi teknologi moden dalam pengurusan air," katanya.

Sumbang RM48,000 kelengkapan belajar

PETALING JAYA - Seramai 600 pelajar sekitar Kota Damansara dan Paya Jaras menerima sumbangan bantuan persekolahan bernilai RM48,000 daripada Bank Rakyat.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Seri R Ramanan berkata sumbangan berbentuk beg dan alat tulis itu diharap meringankan beban keluarga kurang berkemampuan.



"Saya mengalu-alukan inisiatif seperti ini dan berharap lebih banyak institusi korporat serta awam dapat turut serta dalam melaksanakan usaha murni bersama kerajaan.

"Saya juga berharap sumbangan ini sedikit sebanyak membantu meringankan beban ibu bapa dan memberi manfaat kepada anak-anak untuk bersekolah nanti," katanya

pada 10 Februari.

Beliau menyempurnakan penyerahan sumbangan di Dewan Serbaguna Seksyen 7, Kota Damansara, di sini yang turut dihadiri Pengerusi Bank Rakyat Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarak.

Dalam majlis berkenaan, ahli parlimen Sungai Buloh itu turut mengumumkan tajaan pembukaan akaun i-nuri Bank Rakyat kepada 600 pelajar dengan permulaan RM20.

Wakaf tunai tingkat kemudahan masjid

SHAH ALAM - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyalur dana tabung wakaf sebanyak RM52,000 bagi menajayakan kerja menambah baik prasarana dua masjid, baru-baru ini.

Menurut PWS, RM35,000 diserahkan kepada Masjid As-Salam di Bukit Sentosa, Gombak pada 30 Januari untuk menaik taraf stor dan bilik pengurusan jenazah.

Masjid Al-Hidayah di Teluk Panglima

Garang, Kuala Langat pula menerima RM17,000 sehari sebelumnya untuk menambak tanah dan memasang pagar di tanah perkuburan kariah masjid itu.

"Agihan tabung wakaf tersebut dari kutipan tabung wakaf tunai yang diletakkan di masjid dengan 33 peratus hasil kutipan tabung akan diserahkan kepada masjid," kata kenyataan.

PWS turut menyerahkan sumbangan wakaf fisabilillah RM15,000 kepada Surau Ar-Raudhah di Bandar Botanic, Klang bagi memasang penyaman udara selain berkongsi kefahaman mengenai ibadah wakaf.

Sumbangan wakaf boleh dibuat menerusi laman sesawang fpx.wakaf-selangor.gov.my atau wakaf tunai di inafaqpay.my/go/wakafselangor

Ringan beban keluarga susah

SEPANG - Seramai 200 pelajar dari kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40) dirai dalam program Sumbangan Kembali ke Sekolah anjuran Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis).

Yang Dipertuanya Datin Seri Masdiana Muhamad memberitahu program tersebut bertujuan meringankan beban keluarga kurang berkemampuan untuk membuat persediaan anak mereka ke sekolah.

"Kita kumpul 200 pelajar dari 11 Dewan Undangan Negeri (DUN) dan parlimen di seluruh negeri untuk terima kelengkapan seperti beg, alat tulis serta wang tunai RM100 setiap seorang," katanya pada 9 Februari.

Program tersebut melibatkan 11 kawasan di Selangor antaranya parlimen Gombak, Shah Alam dan Hulu Langat serta DUN Morib, Tanjung Sepat, Kinrara, Dengkil, Selat Klang dan Batu Tiga.

Tahun lalu, sejumlah RM130,440 diperuntukkan untuk program sama yang memanfaatkan 860 pelajar.

Rumah terbuka rai kepelbagaian budaya

AMPANG JAYA - Ribuan penduduk memeriahi Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Kelang yang diserikan pertunjukan bunga api, tarian singa dan penyampaian duit raya kepada kanak-kanak.

Penyelaras DUN Juwairiya Zulkifli memberitahu sambutan pada tahun ini turut dihadiri Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar yang juga penyelaras DUN Gombak Setia Rahim Kasdi.

"Pada tahun ini, kita buat sedikit perubahan iaitu di luar yang konsepnya lebih terbuka dan santai. Mari kita sama-sama meraikan kepelbagaian budaya dan agama.

"Penting untuk kita menjaga keharmonian dan menghormati satu sama lain selain mengekalkan perpaduan demi masa depan," katanya pada 9 Februari.

300 terima bantuan persekolahan

SHAH ALAM - Lebih 300 ahli Tabung Warisan Anak Selangor Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Jaras menerima bantuan masuk sekolah pada 8 Februari.

Menurut penyelaras DUN Mohd Khairuddin Othman, program inisiatif Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) diharap dapat memberi motivasi kepada anak-anak untuk memulakan sesi persekolahan dengan lebih bersemangat.

"Program Serahan Bantuan Masuk Sekolah 2025 berlangsung dengan jayanya, lebih 300 ibu bapa dan anak-anak hadir untuk menerima sumbangan kelengkapan sekolah bagi sesi persekolahan 2025.

"Program ini hasil inisiatif YAWAS bagi membantu meringankan beban keluarga yang memerlukan," katanya menerusi Facebook.



Sidang dewan negeri 18 Februari

SHAH ALAM - Persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS) dijadual berlangsung mulai 18 Februari, kata Speaker DNS Lau Weng San.

Memberitahu pembukaan sidang itu bakal disempurnakan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-haj, beliau berkata pemilihan tarikh itu bagi menghormati Ramadan.

"Kita mahu sesuaikan dengan bulan puasa (Ramadan). Kita cuba elakkan bulan puasa untuk beri masa secukupnya untuk umat Islam menjalankan ibadah puasa pada bulan Ramadan.

"Seperti biasa dewan bersidang sebanyak tiga kali setahun dan berlangsung 10 hari setiap sidang," katanya sambil menambah isu yang dijangka menjadi tumpuan antaranya masalah banjir.

Sasar rampas kedudukan pertama

SHAH ALAM - Atlet larian menara negara Soh Wai Ching menyasar merampas semula kedudukan pertama dengan menyertai kejohanan dunia yang lebih besar pada tahun ini.

Menurut pemenang Anugerah Olahragawan bagi Anugerah Sukan Negeri Selangor 2023 itu, beliau kini mengambil pendekatan memilih kejohanan berikutan tidak mahu kesihatan terganggu.

"Tahun lalu, kesihatan saya tidak berapa baik kerana terlalu banyak sertai kejohanan. Namun, tahun ini saya lebih mementingkan kualiti berbanding kuantiti supaya tidak jejas kesihatan.

"Saya juga akan turun padang untuk buat sesi perkongsian bersama atlet yang berminat atau mempunyai masa depan cerah. Ini bukan berkaitan saya sahaja tetapi mahu cari pelapis untuk negara," katanya pada 10 Februari.

Kunjungi karnival budaya bangsa

SHAH ALAM - Orang ramai dijemput memeriahkan Karnival Seni Budaya Bangsa di Dataran Kemerdekaan Shah Alam pada 14 hingga 16 Februari.

Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor berkata program itu menyajikan pelbagai kegiatan seni, permainan rakyat dan hiburan.

"Karnival anjuran Koopseni dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam bakal dirasmikan oleh Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari," maklumnya menerusi Instagram.

Aktiviti menarik yang disediakan ceramah perdana oleh Datuk Badlishah Alauddin pada 14 Februari selain persembahan selebriti terkenal tanah air antaranya Fauziah Latiff, Ani Mayuni dan Zaki Yamani.



JUARA... Pemain Cyberjaya Teleflow FC meraikan kejayaan menjuang trofi Liga Juara Selangor 2024 selepas menewaskan MPKj FC 1-0 dalam perlawanan akhir di Stadium MPAJ, Ampang Jaya pada 9 Februari. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

► BERITA MUKA 21

Peluang wakili SUKMA

64 sekolah sertai kejohanan e-sukan

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

SHAH ALAM - Hadiah keseluruhan RM200,000 bakal menanti pemenang Selangor Future Cup 2025 yang dijadual berlangsung di pusat beli-belah AEON Shah Alam pada 22 hingga 23 Februari.

EXCO Sukan Najwan Halimi memberitahu kejohanan e-sukan anjuran Kerajaan Negeri itu disertai 64 sekolah menengah dari seluruh negeri dalam permainan video Mobile Legends:

Perkeso Lindungi Peniaga Bazar

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menjalin kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi melindungi peniaga bazar Ramadan pada tahun ini.

Timbalan Datuk Bandar Azzan Hassan memberitahu inisiatif julung kali itu bertujuan melindungi peniaga jika berlaku kemalangan luar jangka semasa bekerja di bulan puasa.

"Kita sarankan semua peniaga un-

Bang Bang.

Beliau menjelaskan pertandingan tersebut juga membuka peluang untuk mengenal pasti bakat baharu bagi mewakili Selangor dalam Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun hadapan.

"Setiap sekolah diwakili tujuh pemain yang berumur 17 tahun dan ke bawah. Format berkonsep liga bertaraf antarabangsa yang turut menyediakan pengulas serta penyokong.

"Inisiatif ini melibatkan kerjasama Selangor Red Giants dan akademi Todak yang menyediakan bimbingan

profesional kepada peserta," katanya dalam sidang media pada 6 Februari.

Najwan memaklumkan pemenang kejohanan itu selain berpeluang meraih ganjaran wang tunai bakal ditawarkan kepada pelajar biasa pengajian RM160,000 oleh akademi Todak hingga ke peringkat diploma.

"Diploma melibatkan modul dan kursus kemahiran dalam pendidikan teknikal dan latihan vokasional. Ini memberi ruang kepada mereka memberdayakan diri dalam bidang akademik," katanya.

tuk daftar perlindungan ini. Ini beri manfaat besar kepada mereka malah harga dikenakan juga rendah iaitu RM13.90 untuk sebulan.

"Kaunter disediakan untuk peniaga membuat pendaftaran," katanya selepas merasmikan program taklimat, cabutan undi dan penyerahan permit, apron dan topi Bazar Ramadan Bahagia dan Lestari 2025 pada 5 Februari.

Beliau juga memaklumkan kira-kira 100 petugas MBPJ selain anggota

Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) ditugaskan untuk memantau keselamatan di semua lokasi bazar.

"Selain memastikan keselamatan dan elak trafik sesat, petugas MBPJ juga memantau kebersihan. Kita juga akan kenakan tindakan tegas kepada peniaga tanpa permit ketika Ramadan," katanya.

Menerima 1,107 permohonan sekatat ini, MBPJ menyediakan 1,260 petak bazar meliputi 18 lokasi.